



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

PARLIMEN KETUJUH  
*seventh Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

---

**Jilid II**

**Bil, 9**

**Hari Isnin**

**11hb Julai, 1988**

---

KANDUNGANNYA

PEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Y.B. Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim**  
**Abang Haji Mohiddeen** (Ruangan 2)

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN TUAN YANG DI-PERTUA (Ruangan 3)

MENGANGKAT SUMPAAH:

**Y.B. Tuan Kuan Peng Soon**  
**Y.B. Tuan Haji Shuaib bin Lazim**  
**Y.B. Tuan V.K. Selappan**  
**Y.B. Tuan Balaram a/l Pethanaidu** (Ruangan 5)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru** (Ruangan5)  
**Memperkenankan Akta-akta** (Ruangan6)  
**Perutusan daripada Dewan Negara** (Ruangan8)

MERAKAMKAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA D.Y.M.M. SULTAN PAHANG  
DI ATAS KEMANGKATAN AL-MARHUMAH D.Y.M.M. TENGGU HAJJAH  
AFZAN BINTI TENGGU PANGLIMA PERANG TENGGU MUHAMMAD (Ruangan5)

KANDUNGANNYA

URUSAN MESYUARAT	(Ruangan 9)
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 11)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang—undang Kebankrapan (Piadaan)	(Ruangan 43)
Rang Undang—undang Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan)	(Ruangan 61)
Rang Undang-undang Peacegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit	(Ruangan 70)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Kemasukan Pelajar-pelajar ke Tingkatan 6 - Y.B, Tuan Lim Heng Tee	(Ruangan 107)

DN 11.7.88

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Isnin, 11hb Julai, 1988**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

D 0 A

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan menempohkan mesyuarat selama 5 minit untuk kita memilih Tuan Yang di-Pertua dan seterusnya mengendalikan urusan-urusan yang lain.

**Persidangan ditempokkan pada pukul 2.35 petang**

**Persidangan disambung semula pada pukul 2.40 petang.**

**PEMEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Tuan Setiausaha:** Pemilihan Yang di-Pertua Dewan Negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:** Saya mohon mencadangkan supaya Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohiddeen dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara.

Saya bangun di Dewan yang mulia ini memohon mencadangkan supaya Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohiddeen, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dipilih dan dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara untuk mengisi jawatan yang dikosongkan sejak 11hb April, 1988 oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Benedict Stephens yang telah bersara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang kita semua sedia maklum, Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohiddeen telah berkhidmat sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara sejak 29hb Julai, 1985. Dalam masa itu, Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim, Abang Haji Mohiddeen telah membuktikan kebolehan menguruskan Dewan dengan baik.

Sebelum beliau menyandang jawatan Ahli Dewan Negara, beliau telah pernah berkhidmat sebagai Menteri Muda di negeri Sarawak selama 8 tahun. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pegawai Kerajaan dalam negeri Sarawak selama 18 tahun. Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohiddeen adalah anak Sarawak yang ulang menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara dan tidaklah menghairankan kerana beliau datang dari keluarga yang terkenal di negeri Sarawak,

Akhirnya saya sekali lagi mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji**

**Hussein bin Ahmad]**: Saya mohon berdiri bagi pihak semua Ahli-ahli Dewan Negara untuk melafazkan perasaan gembira dan besar hati di atas cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi. Dengan ini, saya mohon menyokong.

**Tuan Setiausaha:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang sahaja Ahli yang dicadangkan dan disokong menurut Peraturan Mesyuarat (2) Ceraian (3), saya mengisytiharkan dengan rasminya bahawa Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohiddeen dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. [Tepuk]

**(Dengan pemasyhuran Tuan Setiausaha, Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohiddeen dibawa ke Kerusi oleh Yang Berhormat Tuan Kasitah bin Gaddam dan Yang Berhormat Datuk Haji Hussein bin Ahmad)**

**UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu wataala kerana atas limpah dan kurnianya maka pada hari yang bersejarah ini saya telah dipilih dan dilantik menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara.

Saya berasa sungguh bertuah dan bangga di atas kehormatan dan kepercayaan yang telah diberikan kepada saya oleh pihak Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak lain tidak bukan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, untuk memegang satu jawatan yang saya anggap sangat penting dan tertinggi ini.

Tanggungjawab dan tugas yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian itu kepada saya adalah berat hendak saya pikulkan. Walau bagaimanapun, saya hanya dapat berikrar di Dewan yang mulia ini pada hari ini iaitu saya dengan segala daya upaya saya akan cuba mempertahankan dan mengekalkan kepercayaan dan penghargaan serta kehormatan yang telah diberikan kepada saya itu dalam menjalankan tugas saya sebagai Tuan Yang di-Pertua di Dewan Negara ini.

Dengan adanya harapan saya ini, saya juga berharap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian juga akan sama-sama dengan saya memainkan peranan kita di Dewan yang mulia ini sebagai satu keluarga bagi menjaga dan mengekalkan maruah dan kehormatan Dewan yang mulia ini demi untuk kepentingan rakyat dan negara Malaysia yang kita semua cintai.

Saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai pencadang tadi dan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menyokong dan saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Tuan Kuan Peng Soon
2. Tuan Haji Shuaib bin Lazim
3. Tuan V.K. Sellappan
4. Tuan Balaram a/l Petlianaidu

**PENGUMUMAN TUAH YANG DI-PERTUA****MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik, dilantik semula, dipilih dan dipilih semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada Negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**MERAKAMKAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA D.Y.Y.M SULTAN PAHANG DI ATAS  
KEMANGKATAN AL-MARHUMAH D.Y.Y.M TENGGU HAJJAH AFZAH  
BINTI TENGGU PANGLIMA PERANG TENGGU MUHAMMAD.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan amat dukacitanya saya memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini kemangkatan Al-marhumah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang, Tengku Hajjah Afzan binti Al-marhum Tengku Panglima Perang Tengku Muhamad, juga bekas Permaisuri Agong pada pukul 8.40 pagi, hari Rabu, 29hb Jun, 1988.

Sewaktu hayatnya, Al-marhumah Baginda Tengku Ampuan Pahang adalah seorang permaisuri yang sentiasa bergerak cergas dalam kegiatan sukarela, kebajikan, sukan dan aktiviti-aktiviti lain yang telah memberi begitu banyak manfaat dan kebajikan kepada rakyat kita. Sikap ramah-mesra dan senyum-manis Al-marhumah Baginda Tengku Ampuan Pahang, baik di mana sahaja menjadikan Baginda seorang permaisuri yang disayangi oleh rakyat. Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan kerabat Di Raja Pahang, saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara ini ingin merakamkan Ucapan Takziah. Kemangkatan Al-marhumah Baginda Tengku Ampuan Pahang itu adalah satu kehilangan yang besar, bukan sahaja kepada rakyat di negeri Pahang, bahkan juga di seluruh negara Malaysia kita.

Sebagai tanda penghormatan untuk memperingati jasa baik Al-marhumah Baginda, saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian berdiri bertafakkur bersama-sama saya selama satu minit dan bagi hadirin yang beragama Islam metighadiahkan latihan kepada roh Al-marhumah Baginda dengan doa semoga roh Al-marhumah Baginda Tengku Ampuan Pahang ditempatkan ke dalam golongan orang-orang soleh.

[Majlis bertafakkur selama seminit dan Ahli-ahli yang beragama Islam membaca Fatihah]

#### MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memperse-tujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen yang lalu seperti berikut:-



1. Akta Perbekalan Tambahan (1987) 1988;
2. Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil (Pindaan) 1988;
3. Akta Lembaga Tembakau Negara (Perhadanan) (Pindaan) 1988;
4. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988;
5. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1988;
6. Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988;
7. Akta Perkhidmatan Bomha 1988;
8. Akta Bank Negara Malaysia, Insurans dan Takaful (Pindaan) 1988; dan
9. Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 1988.

**PERATUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang. Dipersilakan.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"Parlimen Malaysia,  
Kuala Lumpur.  
8hhJulai, 19R8.

Perutusan daripada Dewan Rakyat  
kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undaag-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Permerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit;

4. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap)(Pindaan);
7. Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan);
8. Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)(Pindaan); dan
10. Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)(Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.  
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

#### URUSAN MESYUARAT

##### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah binti Gaddam:**

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang Kedua dan Ketiganya di mesyuarat ini

1. Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Permerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit;
4. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap)(Pindaan);
7. Rang Undaag-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan);
8. Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan);
- 9.. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan); dan
10. Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)(Pindaan).

**Tuan-Yang di-Pertua:** Baiklah.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

## AL-OURAN TERSALAH CETAK

**1. Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan di waktu akhir-aktir ini selalu benar kedapatan Quran tersalah cetak sama ada Quran itu dicetak dalam negeri atau di luar negeri:

- (i) kenapakah berlaku demikian;
- (ii) adakah Quran yang tersalah cetak itu dicetak dalam negeri; jika ada berapa buah kilang percetakan dan bagaimaaa pengawasan dibuat; atau
- (iii) adakah Quran itu dibawa masuk dari luar negeri dan bagaimana pengawasan dibuat;
- (iv) hingga sekaraag berapa buah didapati Quran yang tersalah cetak; dan
- (v) apakah langkah-langkah Kerajaan mengawasinya supaya jangan berlaku lagi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat**

**Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Perkara beberapa Al-Quran tersalah cetak sudah lama disedari; akan tetapi pengesanan tentang teks Al-Ouran itu tersalah cetak dapat dibuat dengan tertubuhnya Akta Pengawalan dan Percetakan Teks Al-Ouran, baru-baru ini, iaitu pada tahun 1986.
- (ii) Antara Al-Quran-Al-Ouran yang didapati tersalah cetak termasuklah Al-Ouran dari cetakan dalam negeri, dan pihak pencetakan tersebut telahpun diberitahu supaya membuat pembetulan mengikut Akta Pencetakan Teks Al-Ouran 1986.

(iii) Sebenarnya Al-Quran-Al-Quran dari luar negeri sudah begitu banyak dibawa masuk ke negara ini dan berada di tangan umat Isl.am.Al-Quran-Al-Quran ini akan disemak satu persatu, Jika didapati mengandungi kesalahan dan kesilapan maka diumumkan kepada masyarakat dan juga pihak pencetakan berkenaan akan diarah supaya mengambil tindakan menyerahkannya ke pihak Lembaga Pengawalan .Pelesenan dan Pencetakan Teks Al-Quran. Kementerian Dalam Negeri untuk dilupuskan, Mengikut Peraturan, pengimport atau pengedar Al-Quran hendaklah mengemukakan dua(2) salinan terlebih dahulu kepada Lembaga Pengawalan Pelesenan dan Pencetakan Teks Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri untuk disemak; jika didapati kesalahan dan tidak sesuai diedar maka Al-Quran tersebut tidak dibenarkan dibawa masuk ke negara ini.

(iv) Setakat ini sudah empat (4) jenis cetakan Al-Quran yang dikesan tersalah cetak; ianya adalah seperti berikut:-

- (a) Quran Majeed - pencetak Tempatan  
Syarikat Al Maarif,  
Pulau Pihang.

- (b) Quran Majeed - yang di import dari  
Taj Company Ltd. Lahor.
- (c) Quran computer - yang di import dari  
Syarikat A.L.M.R. Bangkok.
- (d) Al-Quran Karim - yang di import dari  
Al-Amin Press, Singapura.
- (v) Untuk percetakan Al-Quran dalam negeri, pencetak hendaklah mendapatkan lesen dari Lembaga Pengawalan Pelesenan dan Pencetakan Teks Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri. Sebelum lesen itu dikeluarkan pencetak mestilah mengemukakan pruf akhir Al-Quran yang akari dicetak itu untuk disemak dan diperakui betul oleh Lembaga Pengawalan Pelesenan dan Pencetakan Teks Al-Quran Kementerian dalam Negeri. Bagi Al-Quran-Al-Quran yang di import, sepertimana saya terangkan tadi, pengimport atau pengedar dikehendaki mengemukakan dua (2) salinan untuk disemak oleh Lembaga tersebut.

#### HAWA - KEGIATAN KEMAJUAN WANITA

2. **Puan Norani binti Haji Beluah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah program-program yang telah dan akan diatur oleh pihak HAWA untuk kepentingan dan Kemajuan Kaum Wanita sama ada yang berada di luar-luar bandar dan di dalam bandar; dan

- (b) setakat manakah kemajuan yang telah dicapai oleh HAWA sejak ianya diwujudkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti**

**Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program-program yang telah dijalankan oleh HAWA sejak ditubuhkan pada tahun 1983 adalah seperti berikut:-
  - (i) Mengadakan seminar, bengkel dan kursus-kursus mengenai perkara dan isu semasa yang berkaitan dengan wanita.
  - (ii) Mengadakan hubungan dengan agensi antarabangsa yang mempunyai program untuk kemajuan wanita di mana pihak HAWA akan berusaha mendapatkan bantuan kewangan dan teknikal untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan untuk kemajuan wanita.
  - (iii) Mengumpul maklumat-maklumat mengenai wanita. HAWA akan terus menganjur dan mengadakan program yang akan memberi faedah kepada kaum wanita dan negara amnya selaras dengan matlamat penubuhannya iaitu untuk mempertingkatkan penyertaan wanita di dalam proses pembangunan di samping memastikan rancangan-rancangan pembangunan negara mengambil kira integrasi wanita dengan memberi peluang yang sama dan kemudahan-kemudahan yang mencukupi.



- (b) (i) Jika dibandingkan usia penubuhannya dengan kemajuan yang telah dicapai dapatlah dikatakan bahawa HAWA telah berjaya sedikit sebanyak mencapai matlamatnya. Setakat ini sebanyak 26 kajian telah dibiayai oleh HAWA mengenai pelbagai isu berkaitan dengan wanita.
- (ii) HAWA juga telah menganjurkan lebih kurang 15 kali Seminar/Bengkel/Kursus yang dianjurkan bersama dengan pelbagai Pertubuhan Wanita. Hasil daripada Seminar/Bengkel/Kursus ini telah banyak memberikan maklum balas untuk membolehkan pihak HAWA membuat perancangan bagi mempertingkatkan lagi aktivitinya.

#### BAS MINI

**3, Puan Habidah binti Jusoh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) kenapakah tidak diadakan bas mini yang melalui jalan-jalan kampung di seluruh negara, untuk keluar ke pusat-pusat bandar atau pekan-pekan kecil;
- (b) tidakkah perlu bas-bas mini ini diadakan dengan perkembangan jalan—jalan baru di sekitar kampung, termasuk jalan-jalan daerah yang telah ditarkan;
- (c) tidakkah pihak Kerajaan pernah mengadakan bas-bas RIDA berjalan di kampung-kampung pada masa dahulu yang amat berguna dan mendapat sambutan baik; dan
- (d) bolehkah Kerajaan mengeluarkan permit bas mini ini untuk kemudahan masyarakat dalam waktu yang singkat.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji**

**Taha]:** Tuan Yang di-Pertua sebelum saya menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat, izinkan saya menerangkan konsep bas mini yang sebenarnya. Untuk makluman Yang Berhormat, bas mini adalah sejenis perkhidmatan pengangkutan yang bersaiz kecil dengan jumlah penumpang tidak lebih daripada 25 orang dewasa. Kadar tambang ditetapkan 50 sen tanpa mengira jauh perjalanan.

Perkhidmatan bas mini terhad kepada Bandaraya Kuala Lumpur, Petaling Jaya, dan Shah Alam sahaja dan bertujuan untuk menampung keperluan pengangkutan awam yang mendesak. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk meluaskan penggunaannya di mana-mana bandar atau kawasan lain di Semenanjung kerana keperluan pengangkutan awam di kawasan-kawasan berkenaan telahpun dibekalkan dengan perkhidmatan bas berhenti-henti dan kereta sewa. Lagipun bas mini tidak boleh menjalankan perkhidmatan di kawasan berkenaan kerana konsep perkhidmatannya adalah "berbeza sepertimana yang telah dinyatakan tadi.

Sekiranya masih ada kampung-kampung yang belum mempunyai apa-apa perkhidmatan pengangkutan awam, penduduk di kawasan-kawasan tersebut bolehlah memohon kepada Kementerian saya supaya meminta syarikat bas berhenti-henti yang sedia ada di kawasan tersebut menyambung laluan ke kampung-kampung tersebut.

Kementerian saya juga bersedia untuk menimbang sebarang permohonan baru bagi menjalankan perkhidmatan bas berhenti-henti jika kawasan yang dipohon memerlukan perkhidmatan. Sementara itu, syarikat bas, berhenti-henti berkenaan bolehlah memilih sama ada untuk menggunakan bas kecil serupa dengan saiz bas mini ataupun bas panjang biasa mengikut keperluan permintaan atau kepadatan penumpang dan juga keadaan jalan-jalan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkhidmatan bas RIDA dahulunya masih berjalan sehingga sekarang tetapi dengan nama baru iaitu bas MARA. Mengenai pengeluaran permit bas mini pula, pada masa ini, lesen bas mini masih lagi dibekukan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Macam mana Kementerian Perusahaan Awam mengawal dan memastikan semua syarikat-syarikat bas yang telah mendapatkan permit ini mematuhi syarat-syarat yang ditentukan seperti mengikut jadual dan arah yang ditentukan?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, kawalan dan pengawasan yang dibuat ialah melalui JPJ dan juga Polis sekiranya ada tangkapan dibuat; ataupun daripada maklumat-maklumat atau aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai atau pihak-pihak tertentu; ataupun daripada sekatan-sekatan jalan raya yang diadakan oleh pihak Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan bersama dengan JPJ dan pihak Polis.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab golongan-golongan miskin menghadapi masalah, adakah rancangan untuk mengintroducekan satu auto system seperti di negeri India dengan tiga roda di mana orang-orang miskin dapat menggunakan perkhidmatan itu.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Soalan ini berkenaan bas mini tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjawab. Sebenarnya tidak ada cadangan. [Ketawa]

**Dr. Tan Chong Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan soalan masalah perkhidmatan bas untuk kawasan kampung-kampung, saya ingin tanya Timbalan Menteri berkenaan. Adakah Kementeriannya memberi pertimbangan sama ada bas-bas sekolah yang berkhidmat di bahagian kampung-kampung boleh dibenarkan untuk mengangkut penumpang-penumpang biasa pada masa-masa ianya tidak digunakan untuk mengangkut budak-budak sekolah iaitu antara pukul 8 sampai 11 pagi dan antara pukul 2 sampai 5 petang tiap-tiap hari untuk meringankan masalah pengangkutan di kawasan-kawasan kampung itu?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, syarat yang diberikan kepada pemegang-pemegang permit bas sekolah ialah hanya untuk membawa penuntut-penuntut sekolah dan insuran yang diambil pun ialah meliputi untuk penuntut-penuntut sekolah sahaja, Oleh sebab yang demikian, tidak ada kebenaran diberi untuk mereka melanjutkan perkhidmatan walaupun di dalam masa-masa yang disebutkan tadi, kerana di samping itu juga perkhidmatan-perkhidmatan lain telahpun ada seperti bas berhenti-henti ataupun kereta-kereta sewa. Walau bagaimanapun, di dalam masa-masa yang lain, misalnya, musim perayaan ataupun musim cuti sekolah, bas-bas sekolah juga dibenarkan untuk mengangkut penumpang-penumpang selain daripada kanak-kanak sekolah. Tidak tahulah kalau bas sekolah hendak bertukar warna kenderaan sekarang ini mungkin tidak ada ramai peminat untuk naik bas sekolah.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Perusahaan Awam merancang meluaskan perkhidmatan bas mini ke kawasan-kawasan perumahan di Bandaraya Kuala Lumpur? Perkhidmatan ini sangat diperlukan untuk pekerja-pekerja berulang-alik ke pejabat kerana perkhidmatan bas biasa kurang memuaskan?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, semamangnya bas mini telahpun memberikan khidmat ke kawasan-kawasan perumahan pada masa ini. Walau bagaimanapun, untuk kawasan-kawasan perumahan baru yang wujud di Bandaraya Kuala Lumpur, pihak Kementerian pada masa ini sedang membuat kajian mengenai bas mini.

**LESEN FILEM DAN VIDEO**

**4. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Penerangan menyatakan iaitu bagi tahun 1987 dan sehingga akhir bulan Mei tahun ini:

- (a) bilangan lesen filem dan video yang dikeluarkan oleh FINAS;
- (b) bilangan pengusaha filem dan video yang menutup perniagaannya;
- (c) jumlah tangkapan yang telah dibuat ke atas pengusaha-pengusaha yang menjalankan kegiatan mengeluarkan, mempamer serta mengedar filem dan video tanpa lesen; dan
- (d) langkah-langkah yang diambil bagi penguatkuasaan terhadap penayangan filem dan video lucah yang kini berleluasa ditonton orang ramai.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) jumlah lesen-lesen yang dikeluarkan oleh FINAS bagi tempoh Januari 1987 hingga Mei, 1988 adalah seperti berikut:

	<b>Jumlah</b>
Lesen Pengeluaran Filem (termauk video)	353
Lesen Penedaran Filem (termasuk video)	1,934
Lesen Pameran Filem (termasuk video)	164
	2,451

- (b) Bilangan pengusaha-pengusaha filem dan video yang menutup perniagaan mereka bagi tahun 1987 dan sehingga Mei, 1988 adalah seperti berikut:

	<b>Jumlah</b>
Pengeluaran Filem	18
Penedaran Filem	287
Pameran Filem	132
Jumlah:	437

- (c) FINAS telah mengambil tindakan undang-undang terhadap 117 pengusaha-pengusaha filem dan video bagi tempoh Januari 1987 hingga Mei 1988 kerana menjalankan kegiatan mengeluarkan, mempamer serta mengedar filem dan video tanpa lesen dan melanggar peruntukan Akta FINAS (Pindaan) 1984.
- (d) FINAS telah dan akan terus mengambil langkah-langkah penguatkuasaan terhadap tayangan-tayangan filem dan video lucah berikut:
  - (i) meningkatkan pemeriksaan terhadap pawagam-pawagam.
  - (ii) merampas filem-filem dan pita-pita video lucah daripada pengusaha-pengusaha filem dan video semasa pemeriksaan serta mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.
  - (iii) bekerjasama dengan Lembaga Penapisan Filem dan Polis DiRaja Malaysia serta Jabatan Kastam dalam membanteras pengedaran dan tayangan Filem dan video lucah.

**Puan Aion binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan iaitu mengenai perkara (b) berkaitan dengan bilangan pengusaha filem dan video yang guluh tikar, Apakah sebab-musabab mereka jadi begini Adakah ini kerana terlalu banyaknya kebanjiran filem-filem luar yang diimport ke Malaysia atau kerana beberapa keadaan di negara kita yang belum seimbang dengan bahan-bahan pengeluaran ataupun pembuatan filem di Malaysia ini sendiri?

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebab-sebab pengusaha-pengusaha ini menutup perniagaan mereka, salah satu daripada sebab yang kita dapat lihat ialah oleh kerana banyaknya syarikat-syarikat yang mempunyai lesen untuk menjalankan perniagaan yang sama. Jadi, oleh kerana competition, dengan izin, begitu banyak, jadi tidaklah hairan jika perniagaannya tidak maju, mereka yang tidak mendapat keuntungan ataupun gagal, dalam perniagaan, menutup dengan sendirinya perniagaan mereka.

#### LAWATAN PERDANA MENTERI KE INDONESIA

**5. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri ke negara jiran Indonesia pada segi:

- (a) Ekonomi;
- (b) Keselamatan;
- (c) Pelancongan.

**38. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan dan perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rombongannya ke negara jiran kita Indonesia baru-baru ini.

#### 12.7.88

**21. Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah faedah ekonomi dan politik hasil daripada lawatan rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Indonesia baru-baru ini.

#### 14.7.88

**14. Tuua G. Rajoo** minta Menteri Luar Negeri menyatkan hasil lawatan beliau ke Indonesia baru-baru ini. Nyatakan sama ada lawatan begini akan dibuat setiap tahun ke lain-lain negara ASEAN dan kenapa.

**78. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latiff** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Indonesia dari segi ekonomi, kebudayaan, politik dan kerjasama di antara kedua-dua negara.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che**

**Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid ini serentak dengan soalan yang sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam yang dijadualkan untuk dijawab pada hari ini dan juga soalan Yang Berhormat Tuan Foo Boon Liang pada 12hb Julai, soalan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid dan Yang Berhormat Tuan G. Rajoo yang dijadualkan untuk dijawab pada 14hb Julai nanti.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan kerja seumpama ini biasa dilakukan dengan tujuan untuk mengadakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin negara jiran. Lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah dibuat pada 13hb dan 14hb Jun merupakan lawatan balas kepada lawatan Presiden Suharto ke Malaysia pada 5hb dan 6hb Februari, 1987. Lawatan itu telah berjaya meningkatkan lagi hubungan di antara Malaysia dan Indonesia dan telah memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin bertukar-tukar fikiran mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa. Sambutan yang hangat dan mesra yang dihulurkan oleh Presiden Suharto dan Ibu Tien kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah semasa lawatan itu membuktikan kemesraan dan persefahaman yang amat rapat di antara kedua-dua pemimpin tersebut.

Dari segi ekonomi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Presiden Suharto berpuashati dengan perdagangan yang kian meningkat sejak kebelakangan ini dan mereka bersetuju untuk mengambil langkah-langkah bagi menggalakkan lagi perdagangan di antara kedua negara. Mereka juga berpuas hati dengan kerjasama yang erat di dalam bidang pertahanan.



Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua pemimpin juga telah bersetuju untuk menggalakkan penyelidikan mengenai sejarah dan kebudayaan kedua negara sebelum penjajahan, menitikberatkan bubungan yang telah terjalin semasa itu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah juga menekankan betapa pentingnya digalakkan pelancongan di antara kedua-dua negara demi mengeratkan lagi hubungan dan persefahaman di semua peringkat masyarakat. Bagi maksud demikian, Perdana Menteri menyarankan supaya penerbangan awam di antara kedua negara diperbanyakkan.

Menyentuh kegiatan promosi pelancongan antarabangsa pula, kedua-dua negara bersetuju untuk saling bantu-membantu dalam bidang ini seperti mengedarkan bahan-bahan promosi melalui agensi pelancongan masing-masing.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya mengenai kerjasama di bidang pendidikan, Adakah dalam bidang lawatan Perdana Menteri kita ke Indonesia baru-baru ini perkara berhubung dengan pendidikan ditimbulkan memandangkan keperluan pendidikan tinggi di Malaysia begitu banyak sekali dan Indonesia mempunyai peluang-peluang untuk menampung keperluan Malaysia kerana kita ada persamaan dari segi bahasa pengantar dan lain-lain perkara.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah pendidikan, Menteri Pendidikan kita sendiri telah membuat beberapa lawatan ke negara Indonesia dan pihak beliau telahpun membincang dengan pihak rakan sejawatnya di sana untuk mencari jalan supaya dapat penuntut-penuntut kita melanjutkan pengajiannya di Indonesia.

**PENYAKIT AIDS**

**6 . Tuan Haji Hassan bin Nam** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah jumlah bilangan pengidap penyakit AIDS yang telah dapat dikesan di negara kita ini sekarang dan berapai ramai bilangan jadi korban akibat jangkitan penyakit tersebut, jika ada;
- (b) tidakkah negara kita berasa bimbang tentang jangkitan penyakit AIDS ini yang sedang merebak di sebelah negara Barat dan Eropah dengan begitu seriusnya, kemungkinan akan menular ke negara kita nanti, jika bimbang penyakit AIDS ini akan menjangkiti orang-orang di negara ini apakah tindakan Kerajaan dari segi pencegahan dan maklumat pada orang awam segala yang perlu diketahui; dan
- (c) nyatakan jumlah bilangan orang yang sedang dijangkiti oleh penyakit AIDS dan juga yang telah jadi maut akibat penyakit tersebut di seluruh dunia sekarang jika diketahui.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]** : Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya 3 kes AIDS telah dikesan di negara ini dan kesemua kes tersebut telah meninggal dunia, Selain daripada itu, sejumlah 8 pembawa AIDS (carrier) dan 1 pesakit haemophilia yang darah mereka mengandungi antibodi terhadap virus AIDS telah juga turut dikesan.
- (b) Kerajaan memandang berat akan wabak penyakit AIDS yang sedang melanda negara-negara Barat dan sedar yang negara ini sentiasa terdedah kepada kemasukan penyakit AIDS ke negara kita. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dan sedang mengambil tindakan pencegahan untuk mencegah merebaknya penyakit AIDS. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (1) Oleh sebab tiada rawatan khusus atau vaksin untuk mencegah penyakit AIDS maka langkah yang paling efektif untuk menghalang merebaknya penyakit AIDS ialah dengan cara memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai supaya mengamalkan cara hidup (Life style) yang boleh mengelak mereka kepada risiko jangkitan penyakit ini. Maklumat yang disampaikan termasuklah penerangan mengenai penyakit AIDS, cara-cara penyakit ini merebak dan cara-cara mencegah penyakit berkenaan. Makluman-makluman ini adalah diberi melalui media massa, ceramah atau seminar yang diberi oleh kakitangan Kementerian Kesihatan, kakitangan jabatan Kerajaan yang lain serta juga ahli-ahli pertubuhan sukarela dan profesional. Risalah-risalah, buku kecil dan poster-poster berkenaan perkara yang sama juga telah diedarkan kepada orang ramai.
- (2) Salah satu punca merebaknya penyakit AIDS ialah melalui darah atau hasil darah yang tercemar oleh virus AIDS. Sehubungan dengan ini, Kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan darah dan hasil darah yang digunakan adalah selamat.
  - (i) Kementerian Kesihatan tidak membenarkan mereka yang dalam golongan berisiko tinggi menderma darah kepada tabung-tabung darah di seluruh negara.
  - (ii) Semua darah yang didermakan dan yang akan digunakan untuk rawatan pesakit adalah diperiksa

terlebih dahulu dengan telitinya untuk memastikan yang darah itu tidak mengandungi antibodi terhadap AIDS.

(iii) Kementerian Kesihatan juga telah memastikan bahawa semua "blood products and blood concentrates" untuk merawat pesakit pendarahan seperti pesakit haemophilia, yang dibeli dari luar negeri telahpun "diheat-treated" untuk menentukan yang ianya bebas dari kuman AIDS.

(3) Memberi kaunseling perubatan (medical counselling) kepada pesakit AIDS dan juga pembawa AIDS.

(4) Meningkatkan" program latihan kakitangan perubatan dan kesihatan mengenai AIDS.

(5) Mempertingkatkan perhubungan dan perbincangan (consultation) dengan pertubuhan kesihatan antarabangsa dan lain-lain pihak berkuasa kesihatan di negara-negara jiran kita.

(c) Sehingga 31 Mei,1988, sebanyak 96,433 kes AIDS telah dilaporkan oleh 175 buah negara dari seluruh dunia kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Jumlah tepat kematian kes AIDS tidaklah diketahui tetapi pihak WHO menganggarkan pada keseluruhannya sebanyak 50% kes yang dilaporkan telahpun meninggal dunia.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah Kerajaan akan ambil untuk educate rakyat Malaysia yang ada di negera-negera yang mempunyai penyakit ini dengan banyaknya seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Australia?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu mengenai jumlah kes-kes AIDS, adakah kes-kes AIDS ini mempunyai apa-apa pertalian seperti pertalian persaudaraan atau persahabatan dan juga adakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk melindungi ahli-ahli keluarga mereka daripada mengidap AIDS?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes AIDS, saya telah memberitahu tadi termasuk juga jumlah pembawa kuman AIDS. Adakah kita telah mengenali perhubungan jangkitan di antara kes-kes yang kita telah kenali itu. Saya rasa sampai hari ini kita belum dapat kontak daripada pesakit kepada pesakit yang lain yang telahpun dikesan. Nampaknya semua kes yang kita telah mengesan itu adalah berasingan dan tidak mempunyai perhubungan sampai ke hari ini tetapi mungkin dalam masa-masa akan datang keadaan akan berubah.

Langkah-langkah untuk melindungi ahli-ahli keluarga di mana terdapat kes atau pembawa kuman AIDS adalah jelas, langkah itu sampai hari ini adalah ditumpukan kepada medical counselling, pendidikan, bimbingan, nasihat dan sebagainya dan juga menjalankan ujian screening kepada ahli-ahli keluarga untuk menentukan bahawa mereka belum dijangkit penyakit itu. Kalau sudah dijangkiti penyakit, tiada apa-apa yang boleh kita buat.

**NILAI YEN JEPUN**

**7 . Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) kesan atau kerugian kepada ekonomi Malaysia disebabkan oleh peningkatan Yen Jepun;
- (ii) apakah langkah atau tinjauan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (iii) memandang peningkatan nilai Yen, bolehkah Kerajaan menimbang meminta Jepun membeli lebih barang-barang buatan dan bahan-bahan mentah dari Malaysia.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yueo Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, nilai Yen Jepun telah meningkat sebanyak 63% terhadap Ringgit semenjak tahun 1985, Peningkatan nilai Yen akan menambah harga untuk barang-barang yang diimport daripada negeri Jepun. Ini telah mengakibatkan pengimport-pengimport Malaysia menggantikan import-import dari negara-negara lain, Oleh itu jumlah import Malaysia daripada Jepun berkurang daripada S7,006 ribu juta dalam tahun 1985 kepada \$6,925.5 ribu juta dalam tahun 1987. Sebaliknya peningkatan nilai Yen telah menambahkan eksport-eksport perkilangan Malaysia kepada negeri Jepun. Jumlah eksport barang-barang perkilangan Malaysia kepada negeri Jepun telah meningkat sebanyak 27% dalam tahun 1987 berbanding dengan tahun 1985. Peningkatan nilai Yen juga akan menambah bahan bayaran hutang Yen.

Untuk mengurangkan kesan negatif Yen, Kerajaan telah membuat pembiayaan semula dan bayaran awal hutang Yen. Tambahan pula Kerajaan telah meminjam daripada sumber-sumber lain termasuk daripada pasaran tempatan. Untuk mengurangkan import-import Jepun, Kerajaan juga telah menggalakkan rakyat Malaysia meningkatkan penggunaan barang-barang keluaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menyeru Jepun dan juga negara-negara lain rakan dagangan utama supaya membeli lebih banyak lagi barang buatan Malaysia. Tetapi apa yang lebih penting ialah keluaran Malaysia mestilah mempunyai daya saingan dan mutu yang tinggi di pasaran antarabangsa.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat yang berkenaan kenapakah matawang Malaysia jatuh sedangkan harga barang komoditi kita naik?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, nilai sesuatu matawang dalam dunia ini adalah bergantung kepada beberapa faktor, Salah satu faktor ialah di mana 'supply', dengan izin, matawang sesebuah negara di dalam dunia dan juga harga komoditi atau harga eksport negara itu adakah kuat atau lemah. Semua faktor ini adalah mempengaruhi atas nilai matawang sesuatu negara.

**Tuan Haji Shuaib bin Lazim:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan berapakah bertambah hutang negara kita dengan negeri Jepun disebabkan kenaikan Yen Jepun itu?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini ada kaitan dengan angka-angka yang terperinci. Saya tidak ada angka-angka yang terperinci, tetapi walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil sesuatu tindakan supaya hutang Yen dapat dibayar dengan lebih awal lagi. Sumber-sumber baru dari mana Kerajaan kita dapat wang itu ialah sumber-sumber termasuk pasaran tempatan negara kita dan juga sumber-sumber lain yang boleh memberikan pinjaman Yen yang lebih murah supaya mengurangkan pinjaman Yen yang lebih mahal.

**GURU MUBALIGH**

**8. Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah pandangan bellau atas Mubaligh-mubaligh yang telah mengajar untuk tempoh masa panjang dalam sekolah-sekolah La Salle dan Convent; adakah Menteri akan menggalakkan Mubaligh-mubaligh untuk menyambung perkhidmatan mereka dalam alam pendidikan di negara kita, jika ya, mengapa dan bagaimana.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan perkhidmatan guru-guru Mubaligh, syarat perkhidmatan mereka adalah tertakluk kepada peraturan yang sedia ada, iaitu had tamat perkhidmatan wajib bagi guru lelaki ialah 55 tahun dan guru perempuan ialah 50 tahun. Walau bagaimanapun, menurut satu perjanjian dahulu perkhidmatan guru-guru Mubaligh yang telah mencapai umur persaraan tetapi bagi mereka yang dilantik sebelum 1hb Februari, 1969 boleh memohon untuk dilanjutkan perkhidmatan dari setahun ke setahun sehingga umur mereka meningkat 65 tahun, tertakluk kepada sokongan Pengarah Pendidikan Negeri serta lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan pada tiap-tiap tahun permohonan perlanjutan, walau bagaimanapun, mereka tidak boleh mengisi jawatan-jawatan kenaikan pangkat.

**PERPADUAN ORANG MELAYU**

**9. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latiff** minta Menteri Penerangan menyatakan, adakah benar bahawa sekarang ini tidak wujud perpaduan di kalangan orang Melayu disebabkan percaturan politik oleh orang-orang tertentu. Jika benar, apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memulihkan perpaduan orang Melayu di negara ini. Adakah benar bahawa rancangan "SEMARAK" itu selain daripada merapatkan pemimpin dengan rakyat adalah juga bertujuan untuk mengeratkan perpaduan rakyat terutama sekali di kalangan orang-orang Melayu.

**33. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Penerangan menyatakan setakat ini adakah beliau dan Kerajaan puas hati dengan kempen SEMARAK. Jika belum puas hati sejauh mana kempen ini akan dijalankan ke seluruh negara hingga ke ceruk rantau desa dan kampung.



**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan NO.9 ini bersama dengan soalan No.33 yang ada kaitannya dengan subjek yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar mengatakan bahawa tidak wujud perpaduan di kalangan orang-orang Melayu disebabkan oleh percaturan politik oleh orang-orang tertentu. Perpaduan orang-orang Melayu dan rakyat Malaysia semenjak merdeka hingga ke hari ini adalah baik. Tetapi ia perlu sentiasa dipertingkatkan, apa lagi bila wujud cabaran-cabaran baru seperti yang timbul sekarang ini. Kerana itu, berbagai usaha akan terus dijalankan oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa perpaduan yang sudah terjalin akan berkekalan dan ia terus dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Mengenai "SEMARAK", telah banyak diperkatakan di luar dan juga di dalam Dewan yang mulia ini. Tujuannya adalah untuk merapatkan hubungan rakyat dengan Kerajaan dan Kerajaan dengan rakyat serta menanamkan semangat dan sikap setia serta cinta negara di kalangan rakyat dan pemimpin-pemimpin. Kegiatan 'SEMARAK' adalah jua sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meneruskan perpaduan yang erat di kalangan rakyat jelata, bukan sahaja di kalangan orang-orang Melayu, malah antara kaum-kaum lain di negara kita yang dikasihi ini.

Ingin juga saya maklumkan bahawa Kerajaan amat berpuas hati dengan gerakan SEMARAK atau Setia Bersama Rakyat yang telah dijalankan selama ini, Gerakan SEMARAK telah berjaya merapatkan hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Negeri, mendekatkan pemimpin-pemimpin di semua peringkat baik Kebangsaan, Negeri mahupun

Tempatan dengan rakyat dan sebaliknya. Melibatkan pihak swasta dan rakyat jelata dalam usaha-usaha membangun pembangunan dan kemajuan negara dan yang lebih penting lagi mewujudkan kesatuan dan perpaduan yang lebih berkesan antara Kerajaan, rakyat jelata dan pihak swasta dalam usaha-usaha pembinaan negara atau dengan izin, nation building. Gerakan SEMARAK akan dijalankan secara berterusan, bukan sahaja setakat pelancaran di setiap negeri tetapi juga di setiap kawasan Parlimen untuk meningkatkan serta menanamkan semangat setia dan sikap cinta negara di kalangan rakyat dan pemimpin-pemimpin.

#### **ARTIS LUAR NEGERI**

**10. Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan iaitu mengenai cara mengeluarkan work permit kepada band luar negeri yang bermain di negara kita di hotel-hotel terkemuka, adakah mereka ini mesti tahu menyanyi lagu kebangsaan kita, sekiranya mereka tahu, berapa lagu kebangsaan yang diwajibkan menyanyi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat**

**Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, artis-artis dari luar negeri yang hendak mengadakan pertunjukan di negara ini mestilah mempunyai mutu seni yang tinggi dan persembahan yang Istimewa. Penilaian mutu seni dan persembahan dibuat oleh Panel Penilaian yang dilantik oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, artis-artis dari luar negeri di bawah kategori nyanyian dan muzik ini hendaklah boleh mempersembahkan lagu-lagu tempatan dalam Bahasa Malaysia sekurang-kurangnya 1/5 daripada jumlah keseluruhannya, misalnya jika 10 lagu dinyanyikan atau dimainkan maka 2 daripadanya hendaklah lagu-lagu tempatan dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan.Oleh kerana saya ini salah seorang Senator dalam town, jadi terpaksa ambil tahu dalam keadaan sekitar town. Saya dapati ada artis-artis yang datang bermain di hotel-hotel terkemuka dalam Kuala Lumpur ini, ada separuhnya langsung tidak tahu menyanyikan lagu Melayu.Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah mereka ini diberikan work permit setelah diauditionkan dia di sini ataupun sebelum dia sampai di sini work permit sudah sedia ada.

Yang kedua, setelah mereka berada di dalam negara, setelah diluluskan work permit mereka,adakah bagi pihak Imigresen menentukan enforcementnya, selalu mengawal keadaan mereka ini supaya mereka tidak melanggar syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau didapati bahawa penyanyi-penyanyi luar negeri ini tidak boleh menyanyikan lagu-lagu tempatan iaitu Bahasa Malaysia maka pihak hotel atau penganjur mestilah mengambil artis-artis tempatan sebagai selingan dan mengikut sepertimana yang saya katakan tadi untuk tiap-tiap 10 lagu, 2 lagu mestilah dinyanyikan oleh pihak tempatan jikalau sekiranya penyanyi dari luar negeri itu tidak boleh menyanyikan lagu tempatan, dan bayarannya mestilah sama, tidak ada perbezaan.

Permit ini diberi setelah Jawatankuasa Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan merasakan bahawa mereka ini mempunyai mutu kesenian yang istimewa barulah permit ini diberi dan pihak enforcement daripada Jabatan Imigresen jikalau sekiranya ada laporan daripada pihak-pihak tertentu akan mengambil tindakan ke atas mana-mana kumpulan yang telahpun menyalahgunakan permit yang diberi.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi apa yang saya tahu selama ini, mereka-mereka yang datang bermain di sini mereka diuji kebolehan mereka di luar negeri lagi terus datang dan dapat permit. Jadi, saya harap Timbalan Menteri yang berkenaan kerana imigresen di bawah Yang Berhormat supaya dapat menyiasat perkara ini sebab saya tidak mahu lebih banyaknya kedatangan penyanyi-penyanyi luar negeri maka penyanyi-penyanyi tempatan langsung tidak dapat peluang untuk mencari nafkah hidupnya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya akan memohon kerjasama daripada panel penilaian Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk memberi kajian yang benar-benar **teliti** sebelum mereka memohon permit untuk masuk supaya tidak ada penipuan berlaku.

**KERAKYATAN Y.B.V.DAVID - PEMANSUHAN**

**11. Tuan Koh Im Pin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau dapat memansuhkan Sijil Kerakyatan V.David.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kerakyatan Ahli Yang Berhormat V. David boleh dimansuhkan atau dilucutkan sekiranya ia menolak taraf warganegaranya atau ia menyalahi mana-mana peruntukan berkaitan di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan ataupun Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa kerana tuntutan dari pihak yang tertentu termasuk Yang Berhormat V.David menuntut kepada pihak Amerika Syarikat untuk membatalkan GSP eksport Malaysia ke Amerika telah mengancam usaha-usaha Kerajaan kita untuk menarik pelabur-pelabur asing? Saya beri contoh, baru-baru ini apabila kami melawat ke Taiwan, ada setengah-setengah pelabur telah meragu-ragu untuk datang melabur ke negara kita dan kalau sekiranya ada seorang yang berkelakuan pengkhianat bangsa dan negara kita, kenapa tidak Kerajaan mengambil tindakan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibawa ialah masalah adakah kerakyatan V. David boleh dilucutkan dan dengan sebab itu tidak ada sangkut paut dengan hal GSP dan pelabur-pelabur asing.

#### PULAU LANGKAWI SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN

**12. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd Akim** minta Perdana Menteri menyatakan dengan pembangunan Pulau Langkawi sebagai Pusat Pelancongan dan Barang Jualan Cukai Bebas (Bebas Cukai). Berapa peratuskah peningkatan pendapatan Bumiputera di Pulau itu hingga kini.

#### Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [**Drs. Suleiman bin**

**Mohamed]**: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat memberikan perangkaan yang khusus dalam menilai peningkatan pendapatan penduduk bumiputera Pulau Langkawi selepas ianya dibangunkan sebagai pusat pelancongan dan diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai. Ini disebabkan bancian demikian belum dibuat. Namun begitu Kerajaan yakin perubahan yang dibuat secara langsung telah memberi peluang kepada penduduk tempatan menambahkan punca rezeki. Kalau dulunya penduduk bumiputera Langkawi hanya bergantung hidup kepada sektor pertanian dan penangkapan ikan sekarang ini keadaan telah beransur berubah. Ramai bumiputera telah melibatkan diri dalam industri pelancongan seperti menyediakan kemudahan penginapan, pengangkutan awam dan juga menyediakan makanan. Tidak kurang juga yang melibatkan diri dalam perniagaan barangan bebas cukai walaupun secara kecil-kecilan dalam hubungan ini Kerajaan akan menentukan dari masa ke semasa kaum bumiputera di Pulau Langkawi mendapat bahagian yang saksama.

**SEKOLAH MENENGAH TEKNIK CHERAS - KEJADIAN NGERI**

**13. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah positif telah diambil bagi mengelakkan kejadian ngeri yang berlaku di Sekolah Menengah Teknik Cheras pada bulan Mei, 1988 yang lalu dan akhir-akhir ini pula terdapat kelakuan buruk sebilangan kecil pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah agak membimbangkan dan jika tidak diambil tindakan yang tegas boleh melibatkan para pelajar yang lain.

**Tuan Woo See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Keraenteriani Pendidikan bagi raengelakkan kejadian ngeri yang berlaku di Sekolah Menengah Teknik Cheras supaya tidak berlaku lagi di sekolah lain di negara ini di antaranya ialah:

- (i) Pengetua sekolah diarah supaya sentiasa melakukan pengawasan yang lebih teliti di sekolah raasing-masing untuk memastikan pelajar sekolah tidak terlibat dengan kegiatan yang tidak diinginkan.
- (ii) Pengetua sekolah diarah supaya bertindak dengan lebih tegas lagi terhadap pelajar yang didapati terlibat dengan kegiatan yang tidak diinginkan.
- (iii) Mewujudkan persefahaman dan kerjasama di antara Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis dan lain-lain badan yang berkaitan.
- (iv) Mengedarkan poster-poster ke sekolah dari semasa ke semasa yang bertemakan disiplin dan pembentukan pelakuan.

- (v) Pengetua telah diarah supaya mengadakan aktiviti berbentuk ceramah dan kempen peningkatan disiplin dengan tujuan menimbulkan rasa kesedaran di kalangan pelajar supaya dapat menghindarkan diri mereka daripada kegiatan yang tldak diingini.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tarobahan. Yang Berhormat, adakah PIBG di Sekolah Menengah Teknik Cheras? Jikalau ada, apakah galakan Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan ibubapa melibatkan dalam aktiviti-aktiviti PIBG mengenai hal-hal sekolah anak-anak mereka?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya tidak pasti Sekolah Menengah Teknik Cheras itu ada pertubuhan PIBG atau tidak. Mengikut pengetahuan saya, PIBG adalah digalakkan untuk sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah biasa sahaja sebab sekolah-sekolah itu dekat dengan kediaman ibubapa mereka. Tetapi dalam Sekolah Menengah Teknik Cheras ini murid-muridnya dari seluruh negara dan susah antuk kita menubuhkan satu persatuan PIBG dan ibubapa setpuanya menghadiri mesyuarat persatuan tersebut.

**Tuan Ng Peng Hay:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan bersetuju bahawa disiplin di sekolah-sekolah pada masa kini telah merosot sehingga ada setengah-setengah murid-murid sekolah telah terlibat dengan aktiviti-aktiviti kongsi-kongsi gelap sehingga ada setengah-setengah murid telah terlibat dengan peras ugut di kalangan murid? Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengetatkan lagi disiplin-disiplin di dalam sekolah-sekolah kita?



**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang saya fikir semua golongan rakyat kita sudah faham apa yang berlaku di sini dan inipun sudah beberapa kali dikemukakan melalui surat-khabar dan sekiranya saya hendak menjelaskan tindakan-tindakan yang dijalankan, ini akan memakan masa yang lebih satu minggu untuk menjelaskannya. [Ketawal

**Dr. Tan Choog Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menjelaskan peranan guru-guru disiplin dan guru-guru kaunseling berkaitan dengan masalah disiplin di sekolah-sekolah. Saya rasa mereka mesti ditambah bilangannya dalam sekolah-sekolah kerana pada masa ini bilangan guru-guru disiplin dan kaunseling itu amat kurang di sekolah-sekolah yang mempunyai kanak-kanak sekolah yang berjumlah, katakan, 1,000 - 2,000 tetapi hanya mempunyai 2 orang guru. Terima kasih.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju bahawa guru kanan untuk menjaga kaunseling atau hal-ehwal murid di beberapa sekolah yang bilangan murid-muridnya yang sudah sampai 2,000 berkurangan. Tetapi mengikut Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan Kewangan sukar Kementerian Pendidikan untuk memohon dari Kementerian Kewangan tambahan jawatan-jawatan yang diperlukan itu. Tetapi cadangan dari Yang Berbormat itu satu cadangan yang sangat bagus dan saya akan timbangkan perkara itu.

**NILAI RINGGIT MALAYSIA**

**14. Tuan Dahalan bin Haji Embung** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) adakah benar bahawa matawang Malaysia sudah jatuh berbanding dengan matawang asing;
- (b) sekiranya ini benar mengapa ini berlaku; dan
- (c) apakah kesan terhadap ekonomi negara.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa nilai ringgit telah merosot terhadap beberapa matawang asing terutamanya semenjak suku terakhir tahun 1985.

Turun dan naiknya nilai ringgit adalah dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan perdagangan antarabangsa serta Faktor-faktor penawaran dan permintaan, dengan izin, demand and supply, terhadap ringgit. Seperti Yang Berhormat sedia maklum ekonomi negara kita telah mengalami kemerosotan dalam tahun 1985 dan dalam tahun 1986. Eksport negara kita juga telahpun terjejas oleh kerana kekurangan permintaan dunia. Faktor-faktor ini telah mempengaruhi kemerosotan nilai ringgit, Disamping itu, kemerosotan nilai ringgit juga mencerminkan kekukuhan nilai beberapa matawang asing di pasaran antarabangsa terutamanya Yen dan Deutschemark.

Bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk mencampurtangan dalam pasaran pertukaran wang asing. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia, hanya bertindak di dalam pasaran wang antarabangsa untuk menentukan keadaan pasaran terhadap ringgit teratur. Sebarang usaha untuk menyokong nilai ringgit yang bertentangan dengan mekanisma pasaran hanya menguntungkan golongan spekulasi dan tidak menguntungkan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan nilai ringgit terhadap kebanyakan matawang utama menyebabkan harga barangan eksport Malaysia lebih murah serta lebih 'competitive' dengan izin, di pasaran antarabangsa. Oleh itu, permintaan terhadap barangan Malaysia dijangka meningkat. Pada masa yang sama harga barangan import menjadi lebih mahal. Walau bagaimanapun, permintaan eksport yang pesat terhadap barangan utama dan keluaran perkilangan telah mengukuhkan kedudukan imbalan pembayaran negara kita ini. Permintaan eksport yang kukuh juga membantu meningkatkan pendapatan dan pemulihan ekonomi dengan lebih cepat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 70 adalah**

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN KEPADA YANG  
BERBAHAGIA TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS -  
BEKAS YANG DIPERTUA DEWAN NEGARA

**3.55 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih dan menyampaikan setinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Benedict Stephens di atas sumbangannya sebagai Senator dan Yang di-Pertua Dewan Negara dan semoga Yang Berbahagian Tan Sri Datuk dan keluarganya akan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan selamat maju jaya sempena tamatnya perkhidmatan beliau pada 11hb April, 1988,

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein**

**bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

diputuskan,

"Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih dan menyampaikan setinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Benedict Stephens di atas sumbangannya sebagai Senator dan Yang di-Pertua Dewan Negara dan semoga Yang Berbahagian Tan Sri Datuk dan keluarganya akan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan selamat maju jaya sempena tamatnya perkhidmatan beliau pada 11hb April, 1988".

#### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG KEBANGKRAPAN (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**3.56 ptg.**

#### **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin**

**Sun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Kebankrapan (Pindaan) 1988 di baca kali yang kedua.

Pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam warta Kerajaan menamakan negara-negara lain bagi Malaysia mewujudkan kerjasama dan persalingan dalam kes-kes kebankrapan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pentadbiran kes-kes kebankrapan, seorang bankrap hendaklah disoal siasat tentang harta dan liabilitinya. Ini termasuklah penyiasatan tentang jumlah harta si bankrap dan di mana harta-harta tersebut berada dengan tujuan menghasilkannya untuk faedah si piutang. Dengan perkembangan semasa,

didapati ramai di antara bankrap mempunyai atau menyimpan harta mereka di luar Malaysia. Kadangkala ini didapati adalah satu rancangan yang sengaja dibuat oleh si bankrap untuk mengelakkan si piutang oleh kerana buat masa ini Pegawai Pemegang Harta Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa bagi menyasat dan menghasilkan harta si bankrap yang berada atau disimpan di luar negeri melainkan di Singapura. Bagi harta-harta si bankrap yang berada di Singapura, Akta Kebankrapan 1967 mengandungi peruntukan persalingan yang terhad yang membolehkan Pegawai Pemegang Harta Malaysia mendapat bantuan daripada mahkamah-mahkamah Singapura dan sebaliknya undang-undang Singapura mempunyai peruntukan yang sama.

Baru-baru ini dua buah Kerajaan lain iaitu United Kingdom dan Australia telah menyatakan hasrat untuk turut bekerjasama dengan Malaysia di dalam kes kebangkrapan. Negara-negara berkenaan telah menyatakan kesediaan untuk menamakan Malaysia di dalam peruntukan persalingan di dalam undang-undang kebangkrapan mereka. Oleh itu, sudah sewajarnya Malaysia juga mempunyai peruntukan yang sama di dalam undang-undang kebangkrapan. Untuk membolehkan hasrat United Kingdom dan Australia dilaksanakan, Akta Kebankrapan 1967 perlu dipinda seperti yang terdapat dalam Rang Undang-undang. Pindaan-pindaan yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang berkenaan akan membolehkan Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan di dalam Warta Kerajaan menamakan negara-negara lain yang difikirkan wajar bagi Malaysia mewujudkan kerjasama dan persalingan dalam kes-kes kebangkrapan. Peruntukan untuk penama oleh Yang di-Pertuan Agong iaitu untuk mengelakkan pindaan kepada undang-undang setiap kali satu-satu negara itu hendak dinamakan bagi mewujudkan kerjasama dan persalingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji**

**Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan, 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Tuan G. Rajoo.

**4.01 ptg.**

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini.

Seperti sedia maklum, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 10A untuk membolehkan Mahkamah Tinggi dan pegawai-pegawainya dalam segala perkara kebangkrapan dan ketaksolvenan supaya membantu dan menjadi pembantu kepada Mahkamah-mahkamah negara lain yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mempunyai bidangkuasa dalam kebangkrapan selagi undang-undang negara itu menghendaki mahkamah-mahkamah membantu mahkamah negara ini. Undang-undang ini dibentangkan tepat pada waktunya dan pada zaman ini ianya amat diperlukan berikutan dengan jenayah-jenayah korporat yang makin meningkat di negara ini.

Pada masa ini beberapa ahli perniagaan yang besar dapat menipu syarikat-syarikat perniagaan dan Kerajaan dengan begitu muda dan telah memindahkan harta-harta mereka ke negara asing dan mengisytiharkan diri mereka sebagai bankrap. Dalam keadaan begini Kerajaan tidak dapat membuat sesuatu ke atas mereka kerana kedua-dua Kerajaan tidak mempunyai sebarang kefahaman atau persetujuan undang-undang, akan tetapi dengan adanya undang-undang begini harta mereka di sana dapat dihitungkan dalam aset mereka dan diposseskan seperti yang terdapat dalam Akta Kebankrapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berikutan dengan tertubuhnya beribu-ribu syarikat berbagai jenis di negara ini. Kebanyakan syarikat-syarikat ini mempunyai modal berjuta-juta ringgit dan juga meminjam berjuta-juta ringgit sebagai pusingan modal mereka dari berbagai bank di negara ini. Ada peniaga yang jujur tetapi masih terdapat juga beberapa, dengan izin, black sheep dalam perniagaan negara ini yang menipu Kerajaan dan syarikat dengan menggubal dan memindahkan harta ke luar negeri.

Dengan adanya pindaan ini, peniaga-peniaga tidak dapat menipu Kerajaan dan rakyat apabila syarikat mereka mengalami kerugian akibat penipuan mereka di negara ini walhal mereka mengumpul hartanya di luar negeri. Pindaan Rang Undang-undang akan pasti menghalang seseorang yang ingin menipu dengan mengisytiharkan diri mereka sebagai seorang bankrap.

Tuan Yang di-Pertuan di dalam aspek ini saya juga ingin membawa tiga perkara yang penting ke perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan hal-hal pelaksanaan kebankrapan yang sedang berkuatkuasa sekarang.

Pada masa ini tempoh laku notis kebankrapan yang dikeluarkan terhadap seorang siberhutang adalah sebulan dari tarikh ianya dikeluarkan. Lazimnya notis tersebut tidak dapat diserahkan dalam masa sebulan yang ditetapkan itu dan permohonan hendaklah dibuat kepada mahkamah untuk melanjutkan tempohnya. Proses ini mengambil masa dan menambahkan lagi beban kerja mahkamah. Oleh yang demikian saya mengesyorkan tempoh laku notis kebankrapan ditetapkan selama 6 bulan demi kepentingan semua pihak.



Satu lagi perkara adalah berkenaan dengan tarikh berlakunya petition kebangkrapan. Pada masa ini seseorang siberhutang dikehendaki memfailkan petition kebangkrapan terhadap seorang siberhutang dalam tempoh 6 bulan dari tarikh berlakunya Akta Kebankrapan. Tempoh 6 bulan ini adalah agak lama dan mungkin membawa kesulitan kepada seseorang siberhutang. Oleh yang demikian saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan mengurangkan tempoh tersebut kepada 3 bulan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang amaun yang boleh membuat seseorang bankrap, Pada masa ini seseorang boleh membawa petition kebangkrapan terhadap seseorang siberhutang jika amaun dipinjam itu melebihi S2,000 sahaja. Amaun yang dinyatakan di sini merupakan amaun yang kecil dan yang tidak lagi munasabah dalam keadaan zaman sekarang. Jika seseorang pinjam \$2,000 ianya boleh dijadikan bankrap sekiranya ia tidak membayarnya. Amaun itu patut dinaikkan ke tahap \$6,000 kerana amaun ini merupakan amaun yang lebih munasabah. Selain daripada ini kebangkrapan akan menjejaskan status seseorang individu. Oleh yang demikian amaun itu perlu dinaikkan ke tahap \$6,000.

Dengan harapan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1988 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

4.08 ptg.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk bersama-sama membahas Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan, 1967.

Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syahas dan tahniah kepada Kerajaan yang mengadakan satu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan, 1967 dan saya juga mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah membawa pindaan ini tadi dan memang sudah sepatutnya di dalam negara kita yang terdiri daripada berbilang-bilang kaum yang ingin hidup di dalam negara yang mewah, bahagia dan aman sentosa memang kita terpaksa mengadakan undang-undang ini untuk menghapus dan memberikan hukuman dengan seberat-beratnya kepada penipu-penipu yang saya boleh anggap sebagai lanun-lanun terhormat yang membuat perniagaan besar-besaran, meminjam wang daripada institusi bank, kemudian memindahkan hartanya ke luar negeri dan selepas itu mengisytiharkan dirinya bankrap, sedangkan perniagaannya kita lihat begitu maju.

Maka inilah yang saya sebutkan tadi perbuatan-perbuatan yang dianggap sebagai penipu dan cuba menipu Kerajaan dan menipu pihak-pihak yang lain.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita sekarang, kalau kita ingin membendung negara kita dan ingin meletakkan negara kita sebagai sebuah negara yang dihormati dan dicontohi oleh negara-negara lain bukan hanya setakat di kalangan yang mengisytiharkan dirinya bankrap sedangkan mereka tidak bangkrap, semata-mata ingin menipu Kerajaan balikan juga di pihak-pihak yang lain yang juga ingin menipu Kerajaan atau yang tidak jujur kepada Kerajaan kita juga harus membendung mereka ini. Kerana keadaan di saat-saat terakhir ini makin lama makin ramai manusia-manusia di dalam negara kita yang telah menunjukkan kebijaksanaan dan sudah mengakui bahawa semuanya ingin berkuasa. Maka itu sebabnya perkara-perkara semacam ini berlaku, dan kita kena faham bahawa manusia itu dia tidak lari melakukan kesilapan dan kelemahan dan juga di dalam keadaan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati orang-orang yang telah dijatuhkan hukuman bankrap tidak ada langsung deraan ataupun tindakan-tindakan yang boleh diambil.

Saya masih ingat lagi semasa saya kecil-kecil dahulu, kalau seseorang itu sudah dianggap bankrap tidak dibenarkan naik baspun, dia hanya dtbenarkan berjalan kaki. Tetapi sekarang tidak ada langsung perubahan yang kita lihat di antara orang yang sudah declere, dengan izin, sebagai seorang bankrap dengan orang yang tidak bankrap, statusnya, kedudukannya sama sahaja. Jadi ini juga saya berharap apabila Rang Undang-undang ini diluluskan pihak Kerajaan, pihak-pihak yang berkenaan harus meneliti dan mengambil berat di atas semua tindakan-tindakan yang harus diambil kepada mereka yang telahpun diisytihar sebagai bankrap supaya menjadikan

contoh dan teladan kepada yang lain, supaya tidak ingin menipu ataupun mengisytihar dirinya bankrap sedangkan mereka tidak bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kita yang mana saya lihat Kerajaan sudah mula sedar dan mula meneliti dan melihat keadaan suasana di dalam negara kita ini, kerana kita perlu bendung di dalam apa semua segi sekalipun. Kalau ada yang menipu di dalam perniagaan kita, isytiharkan mereka sebagai orang yang bankrap. Kalau ada pihak-pihak mahupuh dia itu Hakim atau sesiapa juga yang dianggap sudah tidak jujur lagi kepada negara kita, yang sudah tidak jujur lagi kepada Kerajaan yang cuba ingin hendak memutarbelitkan undang-undang Kerajaan dan kita juga harus mengambilkira supaya mereka ini benar-benar tunduk di bawah pemerintahan demokrasi yang ada di dalam negara kita ini adalah benar-benar merupakan demokrasi diperintah oleh rakyat, bukan sesiapa sahaja yang boleh mengaku dirinya berkuasa, malahan mereka harus sedar bahawa yang sebenarnya berkuasa adalah rakyat melalui pilihanraya, mengundi dan membentuk parti yang menang di dalam parti sebagai parti majoriti untuk membentuk sebuah Kerajaan. Kerajaan yang telah dibentuk itu yang dipimpin oleh seorang Perdana Menteri yang mendapat mandat daripada rakyat, maka ia boleh bernuat apa suka sahaja untuk mengikut kehendak rakyat jika sekiranya difikirkan sesuatu Rang Undang-undang yang tidak sesuai lagi kepada negara kita ini harus dipinda untuk memberitahu kepada semua lapisan masyarakat di dalam negara kita ini mahupun dia Raja, mahupun dia Hakim, mahupun dia Peguam, harus negara yang diperintah oleh corak demokrasi ini adalah kuasa rakyat, bukan kuasa tertentu.

Saya berharap apa yang saya sebut ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana kebelakangan ini masih lagi rakyat belum faham dan masih lagi

rakyat sama ada mereka faham atau sengaja tidak mahu faham bahawa negara yang diperintah pada masa ini adalah negara yang dipilih oleh rakyat, maka rakyatlah yang berkuasa, maka jangan ada di antaranya yang bertopengkan sebagai rakyat Malaysia, tetapi jiwanya bukan rakyat Malaysia, dan ini juga saya ingin menekankan kepada Dewan yang mulia ini supaya pihak Kerajaan menentukan dan menyiasat semua latar belakang-latar belakang mereka ini, kita tidak peduli walaupun mereka peguam sekalipun, Kalau sekiranya mereka sudah menimbulkan keadaan huru-hara, menimbulkan keadaan suasana mengajjar rakyat jahat, rakyat nakal, rakyat berani menentang kepada pemimpin, maka kalau dapat dilucutkan kerakyataan mereka ini, kita lucutkan, kita tidak mahu simpan musang yang berbulu ayam di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju sangat dan menyokong penuh di dalam Akta Kebankrapan ini, kerana ini juga ada kaitannya, ada kena-mengena dengan sebarang sesiapa juga yang ingin menipu Kerajaan, yang ingin melakukan perkara-perkara yang tidak jujur kepada Kerajaan.

Sekian, saya menyokong, Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Puan Ainon,

4.18 ptg.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang bercakap dalam menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967.

Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga dengan penuh kesyukuran ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan Tuan Yang di-Pertua menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, satu

perlantikan yang saya rasakan sangat wajar, munasabah kalau dibandingkan dengan khidmat cemerlang Datuk sendiri di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang dt-Pertua, mengenai Akta yang sedang di depan kita pada ketika ini, saya juga amat bersetuju dengan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Menteri yang berkenaan dalam pembentangan kepada pindaan Akta sebentar tadi.

Sesungguhnya memang kita amat gelisah adanya trend atau adanya satu sikap yang seolah-olah seperti satu sindiket atau sebagai satu perkara yang sengaja diwujudkan iaitu mereka yang ingin kaya cepat atau yang memang terdiri daripada peniaga-peniaga yang tidak jujur terhadap negara ini dan rakyat negara ini yang membuat perniagaan yang besar-besar dan kemudian memindahkan sebahagian daripada harta atau wang ringgit itu ke negara-negara yang kita kenalpasti tidak boleh diambil apa-apa tindakan selain daripada negara jiran iaitu Singapura. Sesungguhnya perkara ini berlaku sudah agak berleluasa dan tidak juga mustahil kalau di dalam perkara-perkara perdagangan jointventure, perkara begini akan berlaku, kalau tidak kita sekat kerana sekarang dalam kita hendak meningkatkan ekonomi negara, kita membuka peluang yang seluas-laasnya kepada negara-negara luar untuk melabur di negara Malaysia yang kita kasihi ini termasuklah negara China Komunis.

Dengan adanya undang-undng ini nanti kita telah membuat persediaan yang awal, walaupun agak terlewat, untuk membendung kes-kes persembunyian harta, wang dengan tujuan yang jahat, yang akan menimbulkan masalah perekonomian dan menjejaskan imej negara Malaysia yang kita kasihi ini.

Saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri yang berkenaan satu perkara, adakah termaktub ataupun boleh dengan menggunakan pindaan Akta Undang-undang ini, perkara-perkara seperti berikut dimasukkan juga iaitu:

Kes-kes rasuah, Terdapat juga beberapa perkara-perkara yang berunsur rasuah berlaku di negara kita Ini dalam hal-hal perdagangan, perusahaan dan perniagaan. Umpamanya seorang yang telah mendapat rasuah dari sesuatu perkara yang berkaitan dengan perniagaan lalu menyimpan wang rasuah itu di luar negeri, negeri yang tidak tertakluk dalam Akta undang-undang ini, sebelumnya, kemudian apabila ianya disyaki atau dilaporkan kepada BPR, maka ianya disiasat, bila disiasat didapati tidak ada bukti sebab harta—hartanya yang ada tidak menunjukkan dia seorang perasuah. Sebenarnya duit itu telah dihantar umpamanya ke Switzerland, ke Geneva atau dihantar juga seperti negara-negara lain di Europe atau mungkin di Middle East iaitu negara-negara Arab umpamanya.

Jadi adakah boleh perkara ini dikaitkan juga dengan Akta yang sedang kita perdebatkan sekarang ini kerana ini juga merupakan satu kegemaran atau satu Perkara yang diamalkan oleh mereka yang memang berniat jahat untuk kepentingan peribadi. Dapat rasuah banyak-banyak dari satu-satu hal, lalu menyimpan duit itu di luar negeri, dan saya dengar paling masyhur bank tempat simpanan yang selamat untuk wang-wang haram ini ialah di negara Switzerland dengan rasa hormat kepada negara yang berkenaan.

Jadi haraplah saya supaya dengan budi bicara dan bijaksana penasihat-penasihat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan dapat memasukkan juga negara-negara yang dikenalpasti termasyhur untuk tempat simpanan wang-wang haram ini. Walaupun mereka belum menyatakan kesediannya untuk bersama-sama dengan kita menghapuskan kes bangkrap yang terhormat seperti ini.

Tuan Yang diPertua, di samping kita mempertikaikan mereka yang menggunakan masalah bangkrap untuk kepentingan peribadi ini, saya juga bersetuju dengan rakan saya tadi iaitu Yang Berhormat Tuan Rajoo mengenai jumlah kepada yang membolehkan seseorang itu dianggap atau dijatuhkan hukuman bangkrap iaitu \$2,000 dibesarkan kepada \$6,000 atau \$10,000 kerana wajarlah selain daripada kita hendak menahan atau hendak menyekat mereka yang berlumayan, berkeuntungan dengan cara yang tidak sehat begini, kita juga perlu menaungi mereka yang benar-benar jujur dan ikhlas dalam masalah berniaga atau membuat usaha-usaha dalam bidang perdagangan ini.



Umpamanya, peniaga-peniaga kecil kita yang benar-benar berusaha. Satu contoh seperti yang kita dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan menyebut bagaimana pengusaha-pengusaha perfileman di negara kita ini gulung tikar hingga jumlahnya agak besar sampai lebih kurang 437. Mereka ini ada antaranya yang telah terpaksa diisytiharkan bangkrapsi kerana masalah perdagangan atau perniagaan yang kurang teratur atau kurang mendapat sokongan ataupun mereka ini kekurangan dalam pengetahuan pasaran atau kemudahan umpamanya. Jadi kalau sekadar \$2,000 sudah bolehlah diisytiharkan bangkrapsi, maka tidak hairanlah sekarang ini kita melihat di akhbar-akhbar kadang-kadang sampai satu muka mereka yang diisytiharkan bangkrap, Tuan Yang di-Pertua. Ini juga menjejaskan imej negara kita sehingga ada negara lain di dunia yang membuat soalan begini: kenapakah Malaysia terlampau ramai orang-orang berniaga bangkrap? Soalan ini memalukan kita dan baru-baru ini saya berkesempatan melawat sebuah negara yang agak terbesar, yang di dalam perjumpaan sambutannya ada pertanyaan seperti ini.

Jadi soalan ini juga memalukan kita dan kita dapati yang bangkrap itu ialah mereka yang berniaga kecil-kecilan. Yang besar-besar ini ada juga yang telah diisytiharkan bangkrap tetapi sebenarnya bangkrap itu mungkin disebabkan faktor yang benar atau kerana tipu muslihat secara hormat sebagaimana yang sudah dikenalpasti oleh Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, terakhirnya bagaimanakah pula kes-kes mereka yang sudah mendapati perniagaannya merosot, lalu memindahkan semua nama-nama atau harta-hartanya kepada penama yang lain, yang

bukan terdiri dari keluarganya yang diupah khas untuk menjadi tuan punya harta.

Umpamanya, si 'A' mendapati sudah tidak mampu mengendali perniagaannya dan suka diisytiharkan bangkrapsi kerana hutang keliling pinggang, lalu memberikan harta bakian itu kepada 'B', yang tidak ada kena-mengena dengan keluarganya. Kalau kena-mengena dengan keluarga mungkin sabit dari segi undang-undang, tetapi tidak, hanya sebagai nominee sahaja. Dan adakah ini juga boleh diambil tindakan? Kalau sekiranya jelas dan ada bukti bahawa ia juga melarikan hartanya supaya diisytiharkan bangkrap dengan tujuan mengelakkan daripada beban yang lebih berat walaupun ia bangkrap tetapi ia sama seperti orang yang tidak bangkrap. Saya ada lihat seorang yang telah diisytiharkan bangkrap masih boleh memakai kereta Citron dan satu ketika yang lain memakai BMW 7 series, dengan izin, dan duduk di hotel-hotel besar, memakai pakaian yang mahal-mahal, tidak ada jejas sebab sudah ditukar kepada seorang lain yang juga harta itu kepada dia juga keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan undang-undang ini akan dapat dipraktikkan dengan seluas-luasnya, dengan seadil-adilnya dan jangka segera sebelum negara kita terlewat dan terlambat jadi negara yang terkenal dengan bangkrap pula selepas terkenal kerana dadah. Maka saya menyokong penuh (Pindaan) Akta Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** [Bangun]

Tuan Tang di-Pertua: Minta maaf dahulu Yang Berhormat. Saya membuat satu pengumuman di Dewan yang mulia ini. Selepas ini Yang Berhormat boleh berucap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon membuat satu - pengumuman. Menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim untuk mempengerusikan Mesyuarat Dewan yang mulia ini.

Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim mengambil tempat.

[**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat ]**

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

**4.07 ptg.**

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membahaskan secara ringkas Rang Undang-undang Kebangkrapan (Pindaan) ini dan terus menyokongnya.

Sebelum saya teruskan perbahasan ini, saya pun ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-pertua yang baru dipilih dan dilantik untuk menduduki tempat yang tinggi di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang ini, saya hanya akan menempuh secara ringkas oleh sebab saya baru menerima salinan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini amatlah baik supaya orang-orang tertentu tidak melarikan wang yang mereka kumpul secara halal atau haram ke negara-negara asing, Hal ini akan merugikan negara kita dari segi cukai dan sekiranya wang yang dikumpul itu dari pinjaman bank atau institusi kewangan yang lain maka bank-bank tersebut yang terlibat akan menjadi mangsa dan akan kerugian.

Tuan Yang di-pertua, dengan kegiatan orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini, didapati banyak juga kreditor-kreditor iaitu si piutang-piutang yang rugi dan terus menjadi bangkrap iaitu bangkrap yang sebenar-benarnya bangkrap dengan langsung tidak mendapat faedah. Dosa orang lain, orang lain pula yang menanggung.

Oleh yang demikian, wajar sekali undang-undang ini dikemukakan untuk menyelamatkan kreditor-kreditor yang tidak bersalah tadi dan supaya penjenayah-penjenayah komersial ini dapat diambil tindakan dan wang dikembalikan semula kepada sebenarnya berhak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sokong Rang Undang-undang Kebangkrapan ini, tetapi sebelum saya tamatkan ingin saya sebut sedikit tentang peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha terutama kaum bumiputera yang benar-benar menghadapi masalah perniagaan atas beberapa sebab tertentu. Seruan saya agar institusi-institusi kewangan lebih pentingkan rehabilitation, dengan izin, daripada tindakan kebangkrapan kerana sungguhpun mereka diambil tindakan bangkrap, pihak institusi kewangan tidak dapat mengutip semula sepenuhnya hutang-hutang dan pihak si bangkrap pun tidak dapat mengendalikan perniagaan, dengan ini kedua-dua pihak rugi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya sarankan supaya institusi kewangan pentingkan rehabilitation, dengan izin, sekali lagi yang saya cadangkan tadi.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, setiap hari apa yang kita lihat muka akhbar-akhbar diisi dengan senarai bankrap dan lelongan dan ini bukanlah berfaedah kepada kedua-dua pihak. Maka sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya sarankan kelonggaran dan institusi-institusi kewangan ini harus mematuhi usaha-usaha dan saranan Kerajaan supaya mereka lebih accomodating, dengan izin, kepada pihak pengusaha yang betul-betul jujur dan melang kerana rugi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Lt. Kol (B) Abdul Hamid bin Haji Ibrahim:** Ada lagi yang hendak berucap. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator G. Rajoo, Senator Azman Attar, Senator Puan Ainon Ariffin dan Senator Dahalan Haji Embung yang telah memberi pandangan serta cadangan-cadangan semasa membabab Rang Undang-undang bernama Akta Kebankrapan (Pindaan) 1988 ini.

Menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator G. Rajoo, pihak Jabatan Pemegang Harta telahpun mengambil langkah-langkah untuk meminda kaedah-kaedah kebankrapan untuk melanjutkan tanpa notis kebankrapan tentang pemaju dan petition akan dipertimbangkan. Berkenaan dengan amaun minima untuk membawa notis kebankrapan akan turut ditimbang.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Azman Atar, Akta Kebankrapan ada peruntukan sekatan terhadap seseorang bankrap, tindakan mahkamah telahpun dan akan mengambil ke atas mereka yang dilanggar peruntukan Akta tersebut.

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Aion Ariffin, kes-kes rasuah tidak termasuk di dalam bidang kuasa Akta tersebut seperti mengenakan kes kebangkrutan. Berkenaan pindaan amaun atau jumlah minima untuk membolehkan proceeding kebangkrutan sebagaimana telah disebutkan tadi akan ditimbangkan.

Berkenaan dengan pemindahan harta-harta kepada ahli keluarga mereka, jika ada bukti yang telah dibuat di dalam jangka masa tertentu sebelum kebangkrutan tindakan boleh diambil sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Kebankrutan.

Bagi menjawab soalan bahagian yang dikemukakan oleh Yang Berhormat .Senator Dahalan kita tidak boleh menahan mana-mana si piutang seperti institusi kewangan daripada mengambil tindakan kebangkrutan kepada mana-mana peniaga, yang gagal untuk menjelaskan keuntungan sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh Akta Kebankrutan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara yang tidak sempat saya jawab, suka saya menyatakan bahawa semuanya akan diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

**Lt . Kol.(B) Abdul Hamid bin Haji Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada .Majlis bagi diputuskan.Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[**Lt . Kol.(B) Abdul Hamid bin Haji Ibrahim** mempengerusikan

**Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang .

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEMERBADANAN DEWAN  
PERLOMBONGAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.37. ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato Alias bin Md. Ali]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Akta Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan) 1988 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah ditubuhkan pada 10hb Disember, 1914 melalui Enakmen Perbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu No. 25, Tahun 1914. Nama Dewan ini kemudiannya dipinda kepada Dewan Perlombongan Negeri-negeri Tanah Melayu melalui Akta Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Bersekutu No. 50/1965 yang diwartakan pada 30hb Jun, 1965. Penubuhan Dewan ini bertujuan untuk melindungi dan menjaga kepentingan perusahaan perlombongan di negara ini. Sejalan dengan peredaran masa dan perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara kita mahupun di peringkat antarabangsa maka terdapat keperluan untuk membuat pindaan-pindaan terhadap Enakmen itu supaya Dewan Perlombongan dapat menjalankan fungsinya secara lebih meluas, licin dan berkesan, di samping mengubahsuai peruntukan yang diwarisi daripada penjajah yang tidak lagi sesuai.

Rang Undang-undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Tanah Melayu Bersekutu seperti berikut:

Pindaan kepada Seksyen 2 Enakmen yang dicadangkan dalam Fasal 2 adalah bertujuan untuk menukar nama Perbadanan daripada "States of Malaya Chamber of Mines" kepada "Malaysian Chamber of Mines" dan bagi memperuntukkan perkara-perkara berbangkit daripadanya. Peruntukan tersebut membolehkan orang-orang atau mana-mana Dewan Perlombongan atau pertubuhan-pertubuhan yang serupa ditubuhkan di Sabah dan Sarawak menjadi layak untuk menjadi ahli Dewan dan dengan yang demikian menjadikan Dewan tersebut wakil bagi seluruh Malaysia.

Manakala mengekalkan pindaan yang dicadangkan pada Fasal 3 merupakan pindaan-pindaan berbangkit.

Fasal 4 bertujuan untuk menghapuskan kesan penja-jahan yang ketara yang menghendakki Dewan Perlombongan menguruskan kira-kira kewangan dengan bank yang ditubuhkan atau mempunyai cawangan di England dan pindaan ini membolehkan Dewan Perlombongan Malaysia menguruskan hal-hal kewangan dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia.



Pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 5 bertujuan untuk melengkapkan dan meletakkan skop bidang kuasa Menteri pada perspektif yang betul.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah bertujuan memperbaiki dan memperluaskan aktiviti-aktiviti Dewan supaya lebih menyeluruh dan meliputi seluruh negara kita.

Sukalah saya memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan apa-apa perbelanjaan wang tambahan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Lt.Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan.

#### **4.43 ptg.**

**Tuan Azunu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang di dalam perbahasan ini untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada itu, saya juga ingin turut serta dengan saudara-saudara yang lain untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai yang telahpun dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai adalah terkenal di Sarawak dan saya yakin dengan perlantikannya sebagai Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini beliau akan lebih terkenal lagi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Rang Undang-undang di hadapan kita ini, saya suka menyarankan bahawa keahlian Dewan ini dikaji dengan sepenuhnya kerana di masa penjajahan dahulu, keahliannya cuma dibuka kepada syarikat-syarikat besar, kapal-kapal korek yang besar dan orang-orang perseorangan yang terkenal sahaja. Maka keahlian serupa itu masih wujud lagi sehingga pada hari ini. Saya harap dengan adanya penyusunan semula Dewan ini ianya akan dapat disusun juga struktur keahlian supaya pelombong-pelombong Melayu dan Cina juga diambil ingatan untuk turut serta bukan sahaja sebagai ahli biasa Dewan tersebut tetapi juga sebagai ahli-ahli Jawatankuasa Pengurus di dalam Dewan itu.

Tuan Yang di-Pertua, amat baik dan amat bijak sekali bagi Kerajaan untuk meminda Pemerdatanan ini kerana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Kumpulanwang yang ada di dalam Dewan ini juga terpaksa diuruskan di dalam Bank-bank yang ada kait mengait dengan Bank-bank di England. Maka dengan adanya pindaan pada kali ini, ianya juga dapat disimpan di dalam Bank-bank tempatan. Kita juga tahu bahawa jika dibandingkan dengan dewan-dewan perniagaan yang lain di seluruh negara kita, States of Malaya Chamber of Mines ini ialah sebuah Dewan yang saya agak kaya raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini untuk menyeru supaya Lembaga Perusabaan Bijih Timah (Penyelidikan dan Pembangunan) yang ditubuhkan di bawah naungan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Tanah Melayu Bersekutu ini juga dikaji semula daripada segi semua sekali kerana memikirkan berapa banyak wang daripada Dewan Perlombongan ini diserahkan kepada Lembaga Perusahaan Bijih Timah dan Lembaga Perusahaan Bijih Timah (Penyelidikan dan Pembangunan) ini biasanya membelanjakan wang yang tidak tentu ketara.

Banyak daripada pegawai-pegawainya membuat lawatan-lawatan dan juga penyelidikan-penyelidikan yang dibuat tidak dapat disebarikan ke seluruh negara. Kebanyakan penyelidikan yang diselidik oleh Lembaga ini dijalankan oleh pengurusannya untuk kepentingan syarikat-syarikat di bawah Dewan itu sahaja. Ianya tidak disebarikan ke seluruh negara. Umpamanya, mengenai penyelidikan berkenaan dengan perusahaan cara-cara menggali, cara-cara menjalankan lombong bijih timah, ada slide-slide yang disediakan oleh Lembaga ini, tetapi apabila pihak sekolah, misalnya, berkehendakkan untuk meminjamnya supaya dapat ditunjukkan kepada murid-murid sekolah, maka biasanya mendapat kesulitan yang amat menyusahkan untuk mendapatkan daripada Lembaga ini. Oleh itu saya harap Kerajaan akan menimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhirnya yang amat anih sekali, saya hairan kenapa dengan pindaan ini, maka namanya ditukarkan sebagai Malaysian Chamber of Mines. Saya mencadangkan bahawa Kerajaan memikirkan supaya namanya diganti sebagai "Dewan Perlombongan Malaysia" sahaja. Saya faham bahawa Dewan seumpama ini perlu diberikan nama Inggeris, kerana ianya berfungsi bagi antarabangsa di dunia kita ini di mana ada pembeli dan pengeluar bijih timah. Tetapi agak saya, jika Dewan Perlombongan Malaysia, nama baru ini jika diperkenalkan, saya yakin dalam masa dua, tiga tahun ianya akan dikenali oleh masyarakat antarabangsa dan tidaklah perlu kita memanggilnya sebagai Malaysian Chamber of Mines.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa negara kita adalah negara pengeluar yang terpenting sekali, yang terbesar sekali dari segi bijih timah ini dan sekarang ini sungguhpun ianya merosot tetapi kita bersyukur dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana

dengan cara-cara yang dibuatnya pada hari ini di dalam menyekat pengeluaran bijih timah ini, maka pada hari ini harga bijih timah bolehlah dianggapkan memuaskan. Sungguhpun ianya tidak begitu memuaskan hati pelombong-pelombong tetapi mereka boleh mendapat keuntungan. Hari ini harganya ialah \$19.06 sekilo dan amatlah membanggakan jika dibandingkan dengan dua atau tiga tahun yang sudah di mana harganya cuma \$14 sekilo sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, atas usaha-usaha Kerajaan itu, maka saya mengucapkan tahniah dan berharap dapat diteruskan dengan gigih lagi supaya industri ini dapat berkembang maju seperti sedia kala. Sekian sahaja, terima kasih, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Lt.Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ada lagi yang hendak berucap? Tiada. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab,  
4.47 **ptg.**

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Azumu Tak yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan membuat berbagai-bagai pandangan yang membina untuk memajukan lagi perusahaan perlombongan di negara kita ini. Saya sangat menghargai pandangan-pandangan beliau dan di mana boleh pihak Kementerian akan melaksanakan cadangan-cadangan tersebut dari masa ke semasa.

Mengenai pandangan Yang Berhormat iaitu pihak Kementerian, oleh kerana usahanya telah berjaya meningkatkan harga bijih timah, saya suka memaklumkan bahawa peningkatan harga bijih timah sekarang adalah sebenarnya usahasama di antara Kerajaan Malaysia dan juga ahli-ahli Perjanjian Timah Antarabangsa yang telah berusaha sekian lama untuk menyusut atau mengurangkan stok bijih timah yang berlebihan di negara masing-masing sehingga sampai kepada paras yang 'normal'.

Oleh kerana setiap orang telah berusaha sedaya upaya untuk menentukan pengeluaran negara masing-masing mematuhi quota yang telah ditetapkan oleh Perjanjian Timah Antarabangsa, maka kita melihat pemulihan harga bijih timah telah dapat dihasilkan walaupun agak perlahan tetapi kita percaya dengan usaha-usaha yang lebih dan dengan semangat setiakawan di kalangan ahli-ahli anggota, maka prospek untuk masa depan bagi bijih timah akan terus meningkat pada masa-masa yang akan datang.

Bagi pihak negara kita, kita akan sentiasa bekerjasama dengan lain-lain pengeluar bijih timah di dunia ini untuk memastikan bahawa harga bijih timah akan dapat naik kepada satu taraf di mana para pengusaha bijih timah di negara kita ini boleh bersaing dengan negara-negara lain dan boleh mengeluarkan bahan timah pada kadar yang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan perkara nama yang terdapat terjemahan dalam bahasa Inggeris, iaitu "Malaysian Chamber of Mines". Seperti Yang Berhormat sentiasa barangkali sedia bersetuju bahawa bijih timah keluaran negara kita ini kebanyakannya adalah untuk eksport dan satu daripada cara untuk kita berhubung dengan luar negeri ialah untuk memastikan bahawa mereka faham badan yang mereka hubungi, iaitu kalau kita pakai hanya nama Bahasa Malaysia mungkin sukar untuk mereka hendak ingat nama itu. Jadi, saya fikir untuk kepentingan perhubungan kita dengan antarabangsa, dengan negara-negara luar, kita perlu ada nama dalam bahasa Inggeris, tetapi untuk keperluan dalam negeri kita akan menggunakan nama Bahasa Malaysia .

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa hasil daripada kajian-kajian yang dibuat oleh Lembaga Perusahaan Bijih Timah haruslah diperguna dan disebarkan seluas-luasnya kepada kalangan perusahaan supaya pengusaha-pengusaha kecil pun akan dapat faedah daripada teknik-teknik baru dan penemuan-penemuan baru daripada hasil kajian yang dibuat. Saya akan memanjangkan perkara ini kepada pihak yang berkenaan supaya dapat disebarkan maklumat-maklumat dan ilmu pengetahuan mengenai kajian itu seluas-luas mungkin.

Satu lagi perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai komposisi Jawatankuasa Pengurusan dan juga keahliannya yang sekarang ini hanya terhad kepada pengusaha-pengusaha besar sahaja seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Saya tidak sedar bahawa keanggotaan lembaga ini cuma terhad kepada pengusaha-pengusaha besar sahaja dan pada pandangan saya eloklah juga kalau diperluaskan keanggotaan perbadanan ini meliputi semua pengusaha-pengusaha di dalam sektor bijih timah ini. Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat sedia maklum ada setengah-setengah pengusaha-pengusaha lombong yang terlampau kecil kadang-kadang merupakan operators yang bersifat sementara, hari ini dia mengusahakan bijih timah, setahun dua kemudian dia beralih kepada perusahaan lain. Jadi, untuk memastikan orang-orang seperti ini juga menjadi ahli adalah agak sukar sedikit. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan saya sampaikan kepada pihak yang berkenaan dan begitu juga mengenai komposisi ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya ia melambangkan komposisi kaum di negara kita ini.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pandangan-pandangannya.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalannya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN DAN  
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.58 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dr Ting Chew Peh]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 untuk dibacakan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini diwujudkan untuk menyeragam serta mengemaskinikan undang-undang berkaitan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit berjangkit. Rang Undang-undang ini juga akan memberi kuasa undang-undang yang menyeluruh kepada Menteri Kesihatan untuk mencegah kemasukan penyakit-penyakit berjangkit ke dalam negeri dan mencegah serta mengawal penyakit-penyakit berjangkit dari merebak di dalam negeri.



Pada masa ini setiap negeri di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang sendiri untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit berjangkit. Undang-undang ini wujud dalam berbagai bentuk Ordinan dan Enakmen yang telah digubal lama dahulu, sehingga peruntukan-peruntutannya tidak lagi sesuai atau memenuhi keperluan pada masa ini. Juga memandangkan tidak ada satu daripada undang-undang ini yang lengkap dan seragam untuk seluruh negara, maka Rang Undang-undang baru yang lengkap dan seragam perlulah digubal.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang paling penting yang memerlukan Rang Undang-undang ini ialah kerana undang-undang yang sedia ada dan sedang berkuatkuasa sekarang didapati tidak lagi sesuai dan tidak lagi mencukupi untuk maksud mencegah kemasukan penyakit-penyakit berjangkit dari luar negeri ke Malaysia, serta mencegah dan mengawal merebaknya penyakit-penyakit berjangkit di dalam negeri oleh kerana sebab-sebab berikut:

- (1) Undang-undang yang sedang berkuatkuasa ini hanya menyebutkan pencegahan kemasukan penyakit-penyakit berjangkit melalui pelabuhan sahaja, tanpa mengambil kira pintu-pintu masuk lain seperti lapangan terbang antarabangsa dan stesen-stesen keretapi di sempadan seperti di Johor Bahru dan Padang Besar, sedangkan pada masa ini lebih ramai pelancong-pelancong yang keluar masuk ke Malaysia melalui lapangan terbang dan stesen-stesen keretapi.
- (2) Undang-undang yang sedang berkuatkuasa sekarang juga sudah ketinggalan masa dan tidak lengkap oleh kerana ianya tidak memuatkan kehendak-kehendak Peraturan-peraturan Kesihatan Antarabangsa (International Health Regulations) di mana Malaysia juga terikat dengannya untuk maksud pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit yang lebih berkesan.

Ordinan-ordinan dan enakmen-enakmen yang ada sekarang adalah tidak seragam untuk seluruh Malaysia. Ketiadaan undang-undang yang seragam untuk mengawal dan mencegah penyakit-penyakit berjangkit yang boleh dikuatkuasakan di seluruh Malaysia ini menimbulkan beberapa masalah seperti berikut:

- (1) Penguatkuasaan menjadi satu masalah yang besar. Pegawai-pegawai berkuasa tidak dapat menjalankan tugas-tugas dengan sempurna jika tugas-tugas tersebut melibatkan lebih daripada satu negeri.

- (2) Orang ramai juga menghadapi beberapa kesulitan akibat tiadanya satu undang-undang komprehensif dan seragam. Sebagai misalan, pembawaan jenazah dari satu negeri yang dahulunya di bawah Negeri-negeri Melayu Bersekutu (misalnya Selangor) ke negeri yang dahulu di bawah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (misalnya Kelantan). Perkara ini melibatkan berbagai prosedur, syarat dan borang yang boleh menghindar pelaksanaan yang licin dan membawa berbagai masalah kepada sanak saudara si mati.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman dan penalti yang terdapat di dalam ordinan-ordinan dan enakmen-enakmen yang ada sekarang tidak lagi sesuai atau realistik dari segi jumlah denda ataupun penalti-penalti yang dikenakan. Di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, penalti dan denda ditetapkan berdasarkan keadaan masa kini, supaya ianya lebih sesuai dan realistik dan mampu untuk mencegah kesalahan atau mencegah pihak-pihak bersalah dari mengulangi kesalahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 yang saya kemukakan sekarang ini mengandungi 33 Fasal yang dibahagikan di bawah enam Bahagian. Bahagian III dan IV adalah bahagian-bahagian yang pokok dalam Rang Undang-undang ini. Petikan yang penting adalah seperti berikut;

Bahagian III mengandungi fasal-fasal bersabit pencegahan kemasukan penyakit-penyakit berjangkit dari luar ke dalam Malaysia. Fasal-Fasal tersebut meliputi beberapa perihal tertentu, seperti pemberitahuan dan seterusnya pengisytiharan kawasan jangkitan di luar Malaysia dan syarat-syarat secara am untuk kemasukan kapal-kapal, pesawat-pesawat udara dan kenderaan-kenderaan lain ke Malaysia.

Bahagian ini juga meliputi pemeriksaan ke atas orang, rakyat, serangga dan sebagainya apabila dibawa masuk ke Malaysia.

Bahagian IV mengandungi fasal-fasal yang lebih komprehensif dan kemaskini bersabit dengan kawalan penyakit berjangkit dari merebak di dalam negeri dan ini termasuk peruntukan-peruntukan untuk pemberitahuan kejadian penyakit berjangkit, pengisytiharan kawasan tempatan, kehendak-kehendak atas orang-orang dan barang-barang yang dijangkiti, pemberitahuan atau pengawasan kontak, perintah pemeriksaan mayat-mayat serta pengurusan orang-orang yang mati, pembasmian kuman dan penutupan premis, pemusnahan struktur yang dijangkiti, penyewaan bangunan yang dijangkiti dan hal-hal sebagainya.

Selain daripada tanggungjawab kepada orang ramai, pegawai kerajaan dan sebagainya, yang dihuraikan dalam Bahagian IV ini, fasal 11 memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan satu-satu kawasan sebagai kawasan tempatan jangkitan. Dengan pengisytiharan seperti itu, pegawai-pegawai yang berkenaan boleh mengarahkan mana-mana orang dalam kawasan itu diberi rawatan atau imunisasi ataupun diasingkan untuk mencegah penyakit dan sebagainya.

Adalah juga diperuntukkan di dalam fasal 12 Rang Undang-undang ini bahawa orang-orang yang dijangkiti tidak boleh bertindak mengikut cara yang boleh merebakkan penyakit berjangkit.

Fasal 12(1) mempunyai peruntukan sedemikian untuk mengawal tempat-tempat awam, walhal fasal 12(2) melarang seorang yang dijangkiti dengan penyakit yang disebutkan dalam Bahagian II, Jadual Pertama daripada melakukan apa-apa yang mungkin membawa kepada merebaknya penyakit berjangkit itu. Pada masa ini, hanya Human Immuno Deficiency virus infection atau AIDS dimasukkan dalam Bahagian II Jadual Pertama ini.

Bahagian V menetapkan kesalahan-kesalahan, penalti am dan mengkompaun kesalahan. Kesalahan yang dikira boleh dikompaun akan ditetapkan dengan terperinci di bawah Peraturan tertentu kelak.

Bahagian VI mengandungi fasal-fasal yang mengambil kira pelbagai perkara, termasuk hak kerajaan mendapatkan kembali kos atau perbelanjaan dikeluarkan untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit berjangkit, pengecualian dari kehendak-kehendak peruntukan-peruntukan tertentu Rang Undang-undang ini, rekuisisi premis serta kompensasinya, kuasa menggubal Jadual dalam Rang Undang-undang ini dan kuasa untuk membuat Peraturan-peraturan di bawah Rang Undang-undang ini. Akhirnya, pindaan dan pemansuhan ke atas undang-undang yang sedang berkuatkuasa disebut.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mempunyai hanya dua Jadual. Jadual Pertama ialah senarai penyakit-penyakit berjangkit yang ditafsirkan di bawah Fasal 2. Jadual Kedua ialah senarai ordinan dan enakmen yang akan mansuh dengan kuatkuasanya Rang Undang-undang ini. Jadual Pertama telah diubahsuaikan untuk mengandungi penyakit-penyakit yang terbaru, seperti AIDS dan sebagainya.

Peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam tiap-tiap fasal Rang Undang-undang ini dibuat secara am dan tidak memperincikan prosedur-prosedur dan syarat-syarat yang timbul dalam penguatkuasaannya. Perkara-perkara terperinci seperti ini akan digubal di bawah peraturan-peraturan yang akan dibuat di bawah Rang Undang-undang ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, semua negeri di Malaysia telah bersetuju untuk diwujudkan satu undang-undang yang seragam dan memansuhkan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negeri masing-masing. Memandangkan undang-undang di negeri Sabah dan Sarawak hanya boleh dimansuhkan oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing, maka Kementerian Kesihatan akan meminta Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak supaya mengambil tindakan untuk memansuhkan undang-undang berkenaan setelah Rang Undang-undang ini diluluskan dan dikuatkuasakan. Berhubung dengan undang-undang yang terdapat di negeri-negeri lain, ianya akan dimansuh dengan kuatkuasanya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon supaya Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji**

**Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapkan Majlis ialah satu Akta bagi meminda dan menyatukan Undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit berjangkit dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat.

**5.11 ptg.**

**Dr Chong Eng Leong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan penyakit berjangkit di kawal daripada masuk ke negara kita serta mencegah penyakit-penyakit yang sudah berada di negara ini daripada merebak. Secara amnya, saya menyokong Rang Undang-undang ini yang dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Rang Undang-undang ini bertujuan memberi kebaikan yang wajar kepada rakyat. Dengan adanya undang-undang ini Kerajaan akan boleh mengambil tindakan pengawasan dan pengawalan dengan lebih bermakna dan berkesan penyakit-penyakit yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menyokong Rang Undang-undang **ini**, izinkan saya memberi satu, dua cadangan untuk perhatian Kerajaan. Saya berasal dari Sabah, Sabah masih jauh ketinggalan kalau dibanding dengan negeri-negeri lain di dalam Malaysia dari segi perkhidmatan perubatan. Penyakit berjangkit seperti malaria sebanyak 25,500 kes yang dilaporkan dalam tahun 1987 di Sabah sendiri berbanding dengan 1,100 kes sahaja di Sarawak dan berbanding dengan 10,000 sahaja di semua negeri-negeri di Semenanjung. Kejadian ini telah mengakibatkan 62 kematian di Sabah, 1 - di Sarawak dan 12 di Semenanjung. Kematian akibat malaria khususnya di Sabah ini sangat mendukacitakan dan sama sekali tidak berpatutan dalam zaman sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi pengetahuan umum di Sabah bahawa terdapat lebih dari 250,000 orang pendatang haram dan orang



pelarian di Sabah yang mempunyai 1.5 juta orang penduduk. Di antara lain, orang-orang asing ini mengancam kesihatan dan mendedahkan penyakit-penyakit berjangkit. Menurut suratkhbar baru-baru ini kes penyakit puan dilaporkan meningkat di Sabah, terutama di kalangan ibu-ibu pendatang haram yang berusia antara 25 - 30 tahun. Masalah kesihatan ini bertambah buruk akibat faktor-faktor berikut: Pertamanya, kekurangan doktor. Nisbah doktor dengan penyakit di Sabah pada masa ini ialah seorang doktor bagi setiap 6,000 pesakit berbanding dengan seorang doktor bagi setiap 2,500 pesakit di Semenanjung Malaysia. Faktor yang keduanya, peruntukan kewangan bagi Perkhidmatan Perubatan di Sabah telah berkurangan dari setahun ke setahun sejak tahun 1983. Ini ialah kerana sungguhpun jumlah peruntukan telah bertambah dari setahun ke setahun, dalam keadaan sebenarnya ia telah berkurangan jika kita ambil kira perbelanjaan berulang seperti kenaikan gaji kakitangan termasuk 'increment', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di samping sokongan saya dengan Rang Undang-undang ini, izinkan saya mencadangkan supaya perhatian khas diberi kepada Sabah dari segi perkhidmatan perubatan supaya matlamat Kerajaan untuk mengawal penyakit-penyakit berjangkit dapat dicapai. Ini oleh kerana adalah ramai pendatang asing kekurangan doktor dan peruntukan kewangan berkurangan di Sabah masa ini.

Tuan Yang Di-Pertua, cadangan saya yang lain ialah mengenai AIDS. Penyakit AIDS tidak boleh diubati. Penyakit ini hanya boleh dicegah. Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan mengemukakan masalah ini kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dengan tujuan meminta badan tersebut memasukkan sijil bebas AIDS dalam sijil suntikan antarabangsa, mengikut peraturan-peraturan Kesihatan Antarabangsa.

Perbezaannya ialah bagi AIDS bukan suntikan yang diberi dan diperlui, tetapi bukti darah seseorang pengembara ataupun pelancong telah diuji dan didapati tidak mengandungi AIDS.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara barat 2/3 daripada orang dewasa dan remaja yang berpenyakit AIDS terdiri daripada orang homoseksual. Di negara kita ini terdapat pertunjukkan pentas Pondan dan pertandingan ratu cantik Pondan. Saya tidak mengatakan bahawa Pondan itu semestinya homoseksual. Bagaimanapun, Kerajaan sepatutnya tidak lagi menggalakkan pertunjukkan dan pertandingan yang saya sebutkan itu.

Sebaliknya saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan memberi perhatian khas kepada masyarakat pondan dengan memberi penerangan yang lebih lengkap kepada mereka yang berkenaan dengan penyakit AIDS walaupun Kerajaan telah menyediakan risalah mengenai AIDS dan sudah mulai mengedarkan kepada semua rakyat, satu usaha yang mulia.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, AIDS berlaku di kalangan penagih-penagih dadah di negara-negara Barat dan juga di negara jiran kita. Oleh itu Pusat-pusat Pemulihan Mangsa Dadah di negara kita patutlah diberi penerangan mengenai AIDS untuk kebaikan kepada semua pihak berkenaan. Justeru itu, kegiatan-kegiatan berkaitan dengan Kempen Anti Dadah patut diperhebatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi penyakit berjangkit yang telah menarik perhatian umum ialah Hepatitis B. Penyakit ini kerap berlaku di negara kita. Lebih dari 8% penduduk negara kita ialah pembawa penyakit itu. Keputusan Kerajaan untuk memberi suntikan percuma bagi mencegah penyakit ini kepada mereka di dalam kumpulan yang mudah diserang penyakit Hepatitis B adalah juga satu usaha yang mulia. Orang-orang itu termasuk mereka yang bekerja di hospital-hospital.

Di dalam negara kita cara utama penyakit ini dijangkiti ialah dari ibu-ibu kepada anak-anak mereka dalam tempoh bersalin. Keputusan Kementerian untuk memberi suntikan pencegahan kepada kanak—kanak yang baru lahir patut disanjung tinggi. Bagaimanapun, saya ingin mencadangkan agar semua murid-murid sekolah diliputi dalam gerakan suntikan ini supaya rakyat dan Kerajaan mendapat nikmat dan faedah dari usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan-cadangan saya ini saya percaya matlamat yang digariskan oleh Kementerian ini akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja pandangan saya dalam menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Tuan Azumu bin Tak.

**5.22 ptg.**

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta memperkatakan satu dua perkara tentang Rang Undang-undang yang berhadapan dengan kita pada ketika ini.

Saya menyokong dengan sepenuhnya dan amat sukacita mendengar bahawa pihak Kerajaan bercadang untuk mensekukan semua negeri-negeri di dalam menyatukan undang-undang ini.

Perkara lama yang ingin saya sentuh di dalam Dewan Yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara yang mungkin tidak terlibat dalam Rang Undang-undang ini tetapi saya harap Kementerian dapat memberitahu kita mengenai masalah membawa jenazah dari satu negeri ke satu negeri. Sungguhpun ianya tidak begitu sukar tetapi masalah yang sering dihadapi oleh orang-orang Melayu pada hari ini iaitu apabila seseorang itu mendapat kematian disebabkan kemalangan jalan raya, contohnya, orang ramai masih menghadapi masalah post-mortem. Banyak hospital-hospital masih menanggung-nanggungkan masa untuk post-mortem ini. Jika kemalangan itu berlaku misalannya di Seremban, hendak dibawa mayat itu ke Ipoh, maka biasanya hospital yang berkenaan akan memberitahu bahawa jika kemalangan berlaku di sebelah pagi, post-mortem akan dilakukan di sebelah petang. Maka masa untuk hendak membawa mayat ini balik ke kampung adalah begitu lama walhal saya agak jika mendapat kerjasama daripada doktor-doktor berkenaan maka perkara ini dapat disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui ini adalah perkara yang lama dan banyak jawapan telah diberikan oleh Kerajaan tetapi ia masih berlaku lagi. Saya berharap dengan ingatan kita buat selalu di dalam Dewan yang mulia ini maka pihak yang berkenaan akan sentiasa memberi kerjasama kepada kita. Terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

**5.25 ptg.**

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang Di-Pertua, terima kasih diucapkan kerana memberikan peluang mengambil bahagian dalam perbahasan untuk menyokong Rang Undang-undang yang dikenali sebagai Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini penegasan telah diletakkan kepada beberapa aspek daripada mengawal, penalti dan sebagainya. Saya ingin bercakap sedikit tentang perkara mengawal merebaknya penyakit-penyakit berjangkit. Dalam aspek ini, saya rasa Bahagian Pengawalan Vektor Pembawa Virus di hospital-hospital mesti menjalankan tugas mereka dengan lebih sempurna dengan mendapatkan lebih banyak kakitangan yang boleh menyebarkan pengetahuan pengawalan vektor-vektor pembawa virus seperti nyamuk, lalat dan sebagainya kepada orang ramai. Kesedaran ini mesti disebarkan secara luasnya kepada rakyat jelata supaya semua orang tahu kesan yang boleh dibawa oleh vektor-vektor itu dari segi menyebabkan penyakit-penyakit berjangkit.

Di dalam hal Ini saya ingin juga menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada pekerja-pekerja pihak Kerajaan Tempatan yang menjaga kebersihan bandar dan juga kawasan-kawasan perumahan. Kita selalu dapati bahawa bila Inspektor Kesihatan datang ke rumah-rumah,

kalau tuannya rumah itu didapati ada beberapa ekor larvae aedes di dalam pasu bunganya, dia akan diberi notis denda oleh Jabatan itu tetapi apa yang kita buat tentang longkang-longkang yang tersumbat dan kawasan-kawasan di mana nyamuk itu bebas hidup sahaja di bawah jagaan Majlis-majlis Perbandaran seperti Majlis Perbandaran Seberang Prai dan sebagainya.

Di tempat-tempat itu sepatutnya kebersihan mesti dijaga oleh pekerja-pekerja pihak Majlis Perbandaran tetapi tugas-tugas itu tidak dijalankan dengan sempurna sehinggakan tempat-tempat itu menjadi tempat hidup nyamuk aedes dan sebagainya. Vektor-vektor pembawa itu dibiarkan sahaja untuk menjadikan pembawa virus dan kuman menolongkan penyakit berjangkit itu merebak.

Kalau begitu, adakah Kerajaan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk memastikan bahawa pihak Kerajaan Tempatan yang saya sebutkan tadi itu ada menjalankan tugas mereka dengan sempurna dan jika tidak, adakah denda dikenakan kepada mereka oleh kerana tugas-tugas mereka itu tidak dijalankan dengan sempurna?

Saya rasa orang ramai, pihak Kerajaan Tempatan dan pihak Bahagian Pengawalan Vektor di hospital semuanya ada tanggungjawab yang sama berat dan tidak boleh disalahkan hanya orang ramai sahaja yang menyimpan beberapa ekor larvae nyamuk aedes.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita selalu menyemak prestasi pihak Kerajaan Tempatan dalam kerja untuk menjaga kebersihan kawasan-kawasan perumahan dan bandar. Satu bahagian yang penting sekali saya ingin menarik perhatian adalah berkenaan dengan makanan-makanan yang dihidangkan dalam restoran ataupun oleh penjaja-penjaja di tepi jalan, di tepi pasar dan sebagainya. Bahagian itu adalah penting juga kerana melalui makanan yang kotor ataupun tercemar kita dapati penyakit berjangkit itu boleh merebak dengan cepat. Jadi, dalam bahagian ini kita semua harap melainkan Inspektor-inspektor Kesihatan daripada pihak yang berkenaan dapat memastikan bahawa makanan-makanan yang dihidangkan itu semuanya tidak tercemar dan semuanya adalah bebas daripada virus ataupun kuman yang boleh menjadikan orang ramai kita sakit.

Berkenaan dengan masalah membawa masuk atau keluar mayat ataupun orang mati, di sini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan masa yang panjang yang mesti digunakan untuk momproses permohonan membawa masuk mayat daripada luar negeri seperti Thailand ataupun Singapura. Kadang-kadang keluarga yang terlibat itu dalam keadaan sedih, masih perlu menunggu-nunggu beberapa hari sebelum mayat itu dibenarkan dibawa masuk. Saya harap pihak-pihak yang berkenaan boleh mempercepatkan lagi kerja memproseskan permohonan membawa masuk mayat itu supaya mayat itu boleh dibawa masuk dengan seberapa cepat.

Akhir sekali saya ingin menyokong kata rakan saya tadi bahawa bilangan doktor itu bagi kawasan-kawasan yang jauh daripada bandar itu memang tidak mencukupi, kadang-kadang klinik-klinik itu hanya

ada satu orang doktor yang datang melawat satu dua kali seminggu dan apabila melawat sahaja masa lawatan itu barangkali 1-2 jam sahaja untuk hari lawatan itu. Pada masa-masa yang lain penduduk-penduduk kawasan yang terlibat itu adalah di bawah Pembantu Hospital atau Jururawat sahaja dan dengan keadaan ada merebaknya penyakit yang berjangkit tentulah orang-orang di dalam bahagian kampung dari bahagian-bahagian kawasan yang jauh daripada bandar itu yang didapati rugi, kerana mereka tidak boleh dapat perkhidmatan doktor-doktor yang terlatih dan sebagainya. Jadi hanya dengan cadangan-cadangan itu sahajalah saya akhiri ucapan saya dengan sokongan yang sepenuhnya untuk Rang Undang-undang yang berkenaan itu. Terima kasih.

**Lt Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Sila Yang Berhormat Tuan **Lau Keng Siong.**

5.35 ptg.

**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih oleh kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini patutlah diubah lebih awal, kerana nampaknya pada masa sekarang ada juga penduduk-penduduk di kampung-kampung yang masih tidak percaya kepada doktor-doktor, Ada sebahagian masih percaya kepada bomoh. Kalau ada penyakit-penyakit mereka menggunakan bomoh untuk mengubat mereka. Ini satu cara yang salah.

Saya fikir sampailah masanya Kementerian Kesihatan mengambil berat oleh kerana ada sebahagian lagi tidak percaya kepada doktor



dan juga pada masa sekarang saya nampak di seluruh Malaysia kita doktor-doktor pakar belum mencukupi. Jadi orang yang sakit kadang-kadang hendak pergi ke hospital, hendak jumpa doktor pakar pun tidak dapat. Ada sebahagian orang yang kaya-kaya tadi tidak payah pergi ke hospital Kerajaan mereka dirawat di hospital private. Jadi yang susah ialah orang-orang yang miskin, rakyat jelata yang miskin. Kalau hospital tidak cukup doktor-doktor pakar, saya fikir kalau ada pesakit yang mengkehendaki dirawat oleh doktor-doktor itu saya rasa kerja itu tidak sempurna dan kadang-kadang tidak dapat. Di dalam Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sudah membangkitkan beberapa kali kepada Kementerian Kesihatan menyatakan perkara ini, tetapi sampai hari ini doktor-doktor belum cukup, ini perkara yang benar.

Satu kali saya pernah membawa perkara ini tetapi dijawab oleh Timbalan Menteri Kesihatan, katanya kalau hendak banding Muar dengan lain-lain tempat, Muar memang nasib baik. Kalau cakap begitu adalah tidak kena pada tempatnya. Jadi perkara ini kita patut timbang rasa kerana seluruh Malaysia, tiap-tiap rakyat di Malaysia tidak kira apa keturunan, apa bangsa, tiap-tiap rakyat ada hak pergi ke hospital Kerajaan untuk rawatan, tidak kira hospital di mana pun. Apabila perkara ini ditimbulkan jangan sebut atau jawab kalau hendak banding hospital ini dengan hospital itu nasib baik. Kalau ada hospital yang tidak baik, jadi rakyat di sana nasibnya tidak baik, perkara ini dijawab begitu - tidak patut.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit-penyakit seperti AIDS ini tidak pernah didengar di negara kita pada 2-3 tahun atau 5-6 tahun dahulu. Pada masa sekarang kita selalu dengar ada AIDS berlaku di negara

kita. Apabila kita tanya pihak yang berkenaan, jawapannya oh! ini ada berapa orang sudah mati, berapa orang yang hidup, perkara ini tidak habis-habis. Kita mesti cari satu jalan bagaimana kita hendak mengatasi perkara ini sampai penyakit ini tidak boleh berlaku di Malaysia kita.

Saya percaya penyakit ini dibawa dari luar negeri, jadi apabila negeri kita hendak terima orang asing masuk ke negara kita, mestilah kita berkeras, hendaklah jaga betul-betul, hendaklah periksa betul-betul, kalau tidak ada penyakit baru benarkan mereka masuk. Hotel-hotel patut Kementerian Kesihatan menjaga, kerana kita selalu nampak orang yang tinggal di hotel selalu mereka tidak ingat, membawa orang lain, membawa perempuan, kadang-kadang 2-3 orang, inipun boleh membawa penyakit AIDS. Dan kalau kita duduk di hotel barang-barang yang dipakai seperti kita tidur dikatil, kitapun boleh kena AIDS. Perkara ini patut dikawal betul-betul.

Pada masa sekarang ada penjaja di restoran-restoran yang perniagaannya sangat maju, tetapi selalu terdapat lalat dan nyamuk. Oleh kerana mereka hendak cari wang, cuci mangkuk pun tidak ada masa, masuk air sahaja siram nanti diberi pula orang lain makan, inipun boleh membawa penyakit.

Jadi Kementerian Kesihatan selalu cakap adalah kawal, memang ada kawal. Bila penyakit timbul barulah sebuk lari sini, lari sana kawal. Pada hari biasa tiap-tiap hari mesti tahu, mesti ada Rang undang-undang, kuatkuasa undang-undang mesti dijalankan, oleh kerana kita hendak jaga kesihatan orang ramai. Kita tidak mahu jaga, sebahagian orang hendak cari wang tidak jaga kesihatan orang ramai. Itu saya fikir semua orang faham.

Jadi kalau perkara ini selalu berlaku penyakit berjangkit sampai bila boleh habis. Tidak boleh habis. Jadi apa-apa perkara kita mesti dengan positif jalankan dengan positif, jangan dengan mulut sahaja.

Walaupun Rang Undang-undang mengenai pengawalan penyakit berjangkit diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi tidak dijalankan pun sama juga, apa guna. Jadi cakap senang hendak jalankan satu perkara yang susah. Bila-bila Ahli Yang Berhormat tanya tiap-tiap Kementerian jawab memang bagus ada jalan, ada kerja, tetapi apabila ada jalan, ada kerja, perkara itu timbul balik-balik lagi. Jadi kita timbul balik-balik lagi sampai bila boleh selesai. Perkara tidak boleh selesai. Di seluruh Malaysia sekarang kita pun nampak kebersihan bandar. Kalau kita tengok di mana-mana pun Majlis Daerah, Majlis Perbandaran sekarang kebanyakan ada parit-parit yang ada orang tidak ada bertanggungjawab, terutama sekali parit-parit tanah di ulu-ulu, di kampung-kampung tidak dikawal oleh sesiapa.

Dahulu parit-parit tanah di kawasan bandar dikawal oleh Kementerian Kesihatan. Tiap-tiap satu bulan pergi korek biarkan air jalan. Tidak ada nyamuk. Jadi sekarang kuasa sudah diserahkan kepada Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah. Apabila kita soal kepada Majlis Perbandaran, Majlis Daerah, dia kata kakitangan tidak cukup. Jadi tidak cukup, jadi parit-parit itu tinggal. Makin lama nyamuk banyak.

Apabila penyakit sudah sampai tolak-tolak. Siapa bertanggungjawab tidak tahu. Jadi ini satu perkara yang saya fikir sampailah masa Kementerian Kesihatan ambil tindakan yang tegas, jangan kita tolak-tolak lagi, kita tidak suka tolak-tolak. Jadi kalau hendak tolak-tolak lagi kita sebagai Ahli Yang Berhormat tidak payah duduk di sini, tidak payah duduk di sini, Kerajaan lantik kita di sini untuk bersama-sama bekerja untuk kepentingan rakyat jelata di negara kita untuk kesihatan orang ramai bukan untuk satu, dua orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini apabila Rang Undang-undang ini sudah diubah, saya fikir Kementerian Kesihatan akan ambil kuasa, akan kerja lebih tegas atas perkara ini, kalau tidak kita sokong dengan tidak ada maknanya.

Jadi saya harap dapatlah perkara ini diatasi, Di sini saya ambil peluang untuk bersama-sama rakan saya menyokong Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 ini. Terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

**5.45 ptg.**

**Tuan Mustafa bin Awang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Saya turut sama serta menyokong Rang Undang-undang bersama-sama rakan yang lain di dalam Dewan yang mulia ini. Suka saya menarik perhatian dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan serta Kerajaan yang telah menyediakan dan menggubal Undang-undang dari Fasal 1 sehingga 33 mengenai dengan hal ehwal penyakit berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua dan saudara-saudara sekalian, mengenai dengan penyakit berjangkit tidaklah ditumpukan kepada satu, dua jenis penyakit sahaja. Sepanjang perbahasan yang saya dengar tadi, yang paling ditakuti sekali ialah mengenai dengan penyakit AIDS. Barangkali ada di antara kita tidak begitu mengetahui bahawa penyakit cacung juga lebih merbahaya yang seakan-akan sama dengan penyakit AIDS kerana penyakit cacung juga ialah tergulung di dalam penyakit-penyakit yang berjangkit yang sukar dikenal pasti dan diubati.

Di dalam negara Malaysia ini terdapat berpuluh jenis penyakit cacung yang sangat merbahaya kerana ada di antara jenis-jenis cacung di negara kita ini dan berlaku di Asia Tenggara boleh memasuki otak dan hati. Jadi dengan sebab itu amatlah sesuai bahawa pindaan

Undang-undang ini bagi keseluruhannya dan merangkumi semua jenis penyakit-penyakit yang berjangkit.

Kita harus ingat bahawa sebelum negara ini merdeka penyakit berjangkit ini sangat banyak berlaku dalam negara kita ini terutama sekali mengenai dengan penyakit puru dan yang sekarang ini kita telah lupa sama sekali kerana penyakit ini sudah tidak ada. Namun begitu Kerajaan masih belum mengisytiharkan bahawa penyakit puru ini sudah pun hilang sama sekali di negara kita ini.

Yang kedua ialah penyakit demam kura ataupun malaria. Kerajaan telah membelanjakan wang beratus juta ringgit kerana mengelak dan menghindarkan daripada penyakit yang berjangkit ini yang dibawa oleh beberapa jenis nyamuk dan sehingga hari ini jabatan yang berkenaan masih berjalan dengan begitu serius untuk mengatasi penyakit demam kura ini. Kerana penyakit ini boleh berbalik semula sekali pun pesakitnya telah sembuh selama 17 tahun dan apa yang telah saya difahami bahawa rekod dunia pernah berlaku di sebuah negara iaitu di England apabila seorang askarnya tinggal di Pakistan dan kembali ke England. Selepas 17 tahun kemudian askar ini telah demam dan apabila diperiksa darahnya didapati beliau ada mempunyai kuman malaria dan seluruh negara itu diisytiharkan sebuah negara yang diresapi ataupun didaruratkan sebagai negara malaria. Dengan sebab itu bukanlah AIDS sebagai satu penyakit yang harus kita tumpukan semata-mata.

Dengan sebab itu saya berharap bagi pihak Kerajaan jangan memandang ringan jenis-jenis penyakit lain selain daripada penyakit AIDS ini. Satu perkara yang saya rasa menarik perhatian iaitu mengenai penyakit demam denggi. Di mana-mana apabila diisytiharkan penyakit demam denggi ini, tidak kedapatan ataupun jarang berlaku di kawasan luar bandar. Ianya berlaku di dalam kawasan bandar. Ini menunjukkan bahawa kecuaian telah kita dapati di dalam kawasan bandar. Sama ada ianya di dalam Majlis Perbandaran ataupun Bandaraya maka kedapatan penyakit demam denggi. Demam ini juga sangat merbahaya sehingga mengalir darah dan ianya membawa maut.

Dengan wujudnya Rang Undang-undang ini maka pegawai-pegawai yang diberi tugas sebagai pegawai yang diberi tugas sebagai pegawai kuatkuasa tidaklah boleh memikirkan ini suatu tanggungjawab yang kecil. Maka ianya hendaklah bertugas dengan penuh hati dan rela untuk mengelak daripada merebak penyakit yang seperti ini. Namun begitu, sebagai pegawai dan pekerja, ianya datang daripada manusia. Ia bukan robot dari besi atau plastik, ia terdiri daripada manusia yang memerlukan kepada makan, minum dan perlu dijaga motivasinya. Dengan sebab itu, Kerajaan harus memikirkan muslihat dan kebajikan mereka sama ada gaji dan sebagainya harus dipertimbangkan dan dikaji semula semoga mereka ini akan dapat berkhidmat dengan baik dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, pengawalan penyakit adalah lebih penting daripada merawat penyakit. Tidak perlu kita rawat kerana kita tidak mengawal. Bermakna kawalan lebih penting daripada merawat. Jadi, pegawai yang mengawal penyakit ini harus diberi perhatian. Ada satu golongan terdiri daripada lelaki dan perempuan di Kementerian Kesihatan yang menjaga hal ehwal penyakit berjangkit ini yang dipertanggungjawab di kawasan pedalaman di hulu-hulu negeri, yang kadang-kadang mereka ini tidak diberi perhatian oleh pihak Kementerian itu sendiri. Kadang-kadang mereka ini dibiarkan, kadang-kadang ditindas oleh sebahagian pegawai tinggi yang tidak bertanggungjawab kepada mereka. Saya bercakap demikian di dalam Dewan yang mulia ini kerana saya dapati ada pegawai yang bertungkus-lumus bekerja keras demi kepentingan negara dan rakyat di kawasan luar bandar tidak diberi perhatian. Namun kumpulan



pegawai ini pernah meminta sedikit-sebanyak kemudahan daripada Kerajaan maka sehingga hari ini ada pegawai pertengahan di Kementerian Kesihatan tidak memberi sokongan kepada permohonan yang dibuat oleh kumpulan pegawai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyebut siapakah pegawai pertengahan yang ada di Kementerian Kesihatan yang sama sekali telah menolak permohonan daripada kumpulan pengawal-pengawal sakit berjangkit ini di bawah Kementerian Kesihatan. Saya berharap Menteri yang berkenaan menyemak semula permohonan yang dibuat oleh sekumpulna kecil sahaja Pembantu-pembantu Kesihatan Awam Malaysia ini.

Dalam perkara lain, saya rasa Kementerian Kesihatan perlu mengatur strategi bagi melaksanakan tanggungjawab yang sangat berat ini sekalipun negara ini membangun akan maju setanding dengan negara-negara maju di dunia ini. Tidaklah memadai dengan hanya beratus orang pegawai bekerja menerangkan atau hanya melalui media massa elektronik seperti televisyen, radio, suratkhbar dan lain-lain memberitahu rakyat tentang kaedah menjaga sama ada kebersihan dan pengawalan penyakit berjangkit ini. Maka saya cadangkan di sini supaya Kementerian Kesihatan melatih, memberi kursus secara intensif kepada ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung mengenai beberapa jenis penyakit ini dari mana pula punca berjangkit dan caranya berjangkit dan bagaimana mengatasi serta mengelakkannya. Saya dapati jarang sekali dibuat kursus secara sungguh-sungguh memberi pelajaran secara sungguh-sungguh kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini sama ada di peringkat separuh bandar ataupun di kawasan-kawasan pendalaman. Mengikut fahaman saya, pekerja di bawah Kementerian Kesihatan ini selama 16 tahun maka jarang berlaku Kementerian Kesihatan supaya

membuat satu perancangan yang secara serius bahawa Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini diajar dengan cara bersungguh dapat mengenali jenis-jenis penyakit yang berjangkit ini dari manusia kepada binatang dan daripada binatang kepada manusia. Jadi, melalui Dewan yang mulia ini saya berharap Kementerian yang berkenaan dan Kerajaan seterusnya akan ambil tindakan-tindakan supaya gerak-kerja ini akan dilaksanakan bagi kepentingan kita semua.

Seperkara lagi, saya juga berharap Kementerian ini selain daripada diberi kursus khas kepada guru-guru mengenai dengan hal ehwal pemakanan. Kadang-kadang satu sekolah hanya satu guru sahaja. Saya juga berharap sebahagian besar daripada guru-guru ini diberi pertunjuk dengan sesungguh mengenai dengan sakit dan penyakit berjangkit ini, sepertimana akan dilaksanakan mungkin kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini. Dan bukan setakat itu sahaja, malah di antara ahli-ahli kampung yang terdiri daripada Imam-imam masjid, Bilal, Noja perlu diberi pelajaran ini dengan secara bersungguh supaya mereka ini akan dapat memberi kepada umumnya atau ahli-ahlinya di surau, masjid di mana-mana tentang beberapa jenis penyakit berjangkit yang difikirkan sangat merbahaya ini.

Saya yakin dengan cara ini akan dapat kita atasi bahawa penyakit ini akan kurang dan terus akan hilang di negara ini dengan cara sendiri maka wang negara akan berkurangan untuk dibelanjakan tentang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga rasa kurang senang kerana ada di antara beberapa orang pegawai daripada Kementerian Kesihatan ini sendiri telah menganggap bahawa tanggungjawab yang diberikan kepadanya kononnya tidak sama dengan gajinya, tidak setimpal dengan gajinya. Maka beliau telah berlaku belot. Kadang-kadang beliau telah menggunakan kenderaan Kerajaan ini kerana kepentingan dirinya.

Saya pernah berjumpa ada beberapa orang telah menggunakan kenderaan Kerajaan ini iaitu kereta yang berbulan sabit yang bertulis Kementerian Kesihatan, kepada pasar-pasar membeli barang kerana kepentingannya. Waktu yang ditetapkan untuk melawat sesuatu kampung sama ada menyelia atau merawat pesakit-pesakit menumpang di klinik sama ada klinik desa ataupun balai raya, jadual ini kadang-kadang terbabas, tidak tepat menimbulkan masalah kepada rakyat yang berkenaan. Saya berharap perkara ini tidak akan berlaku.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-pertua, di dalam Rang Undang-undang ini ada menyebut 1 sampai 33 fasal sehingga kepada Kapal Udara dan Kapal Laut. Dahulu saya pernah menyebut supaya kapal laut mengenai dadah anggota pemeriksaan tidak cukup, maka Kesihatan juga perlu menyediakan anggota dan pegawai yang cukup, bukan sahaja bilangannya, cukup pengalamannya dan cukup tanggungjawabnya.

Misalnya hari ini pelancongan sedang maju antara satu negeri dengan satu negeri terutama sekali negeri-negeri jiran. Saya yakin mereka ini tidak diberi sebarang suntikan pencegahan sama ada keluar ataupun yang datang melawat negara ini melainkan orang-orang atau mereka yang hendak pergi ke Mekah sahaja, itupun setelah disyaratkan oleh Kerajaan Saudi Arabia. Tiap-tiap mereka yang hendak ke Mekah menunaikan fardhu haji, hendaklah diberi suntikan jenis ubatnya untuk kepentingan penyakit itu dan ini.

Hari ini ada satu dua negara jiran yang sentiasa ada para pelancong masuk ke sini. Hanya apabila mereka ini ada pasport antarabangsa, dia dibolehkan memasuki negara ini tanpa diberi sebarang suntikan apabila dianya memijak negara ini dan apabila pulang juga begitu. Saya kurang pasti sama ada mereka ini diberi suntikan oleh negara mereka apabila mereka keluar dari negara mereka ke satu negara yang lain. Pengalaman yang saya ada, barangkali Tuan Yang di-Pertua juga begitu, apabila saya hendak keluar daripada Malaysia ini melawat ke negara lain, saya tidak pernah diberi sebarang suntikan. Demikian juga apabila saya pulang daripada negara lain tidak ditanya bagaimana hal-ehwal saya di luar negara sama ada saya telah berkecamuk, bergelumang dengan mereka yang terdedah dengan kuman AIDS dan sebagainya, Ini bukan boleh diperolok-olok, bukan boleh dipermainkan kerana ini merupakan satu kifarath Allah s.w.t. kepada manusia, mungkin kerana manusia itu atau negara itu melakukan dosa yang tidak perlu diampun oleh Tuhan. Maka dengan sebab itu AIDS telah wujud sehingga sampai ke negara kita ini.

Dengan sebab itu saya mencadangkan kepada Dewan ini dan kepada Kerajaan khusus kepada Kementerian yang berkenaan, apabila seseorang

rakyat negara ini mahu keluar negeri, sama ada jauh ataupun dekat, maka ianya perlu diberi apa juga suntikan atau imunise, dengan izin, bagi mengelakkan sebarang penyakit berjangkit sama ada dibawa keluar ataupun dibawa pulang ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta Kementerian Penerangan turut sama memainkan peranan yang penting dalam masalah ini. Saya nampak sebahagian daripada peranan yang dimainkan oleh Kementerian Penerangan ini sangat penting. Tetapi ada masa-masanya peranan itu kurang penting. Sepatutnya ruangan itu yang memakan masa kadang-kadang lebih dari satu jam boleh saya anggap membazir. Pada masa ini, pada masa rakyat sedang membangun, pada masa negara sedang membangun, maka ruangan itu membazir. Sepatutnya pada masa ini negara memerlukan supaya rakyatnya direvolusi mental kepala rakyatnya, telah disogok dengan berbagai-bagai filem yang tidak diperlukan. Apa salahnya, dengan wujudnya undang-undang ini Kementerian Penerangan memberi kerjasama yang sangat rapat bagi kepentingan negara dan kebahagiaan rakyat.

Apa yang saya dapati sekarang ini, sekali sekala sahaja ada itupun menerangkan mengenai nyamuk denggi, kadang-kadang orang yang menerangkan itupun berbelang macam nyamuk denggi juga. Saya minta Kementerian Kesihatan supaya berjumpa, berunding, berbincang dengan Kementerian Penerangan ini supaya ruangnya dilebarkan, diberi peluang seluas-luasnya kepada Kementerian ini mengenai dengan berbagai penyakit berjangkit ini supaya rakyat lebih mengetahui dan memahami serta bertindak untuk mengatasi. Saya tidak nafi bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah mengadakan peraduan rumah cantik, kawasan cantik, bersih dan sebagainya. Ini

sebahagian kecil sahaja kalau kita bandingkan dengan bilangan rumah-rumah rakyat yang ada di negara ini.

Saya juga menarik perhatian saudara saya dari Muar mengatakan, kalau dahulu parit-parit tanah ini digali oleh Kementerian Kesihatan dan orang-orangnya ketika itu memakai uniform ataupun pakaian seragam biru. Sekarang ini bertukar tangan - Bandaraya ada, Majlis Perbandaran ada, Majlis Tempatan pun ada. Masing-masing tidak mengakui, katanya apabila berlaku sesuatu keadaan epidemic, dengan izin, penyakit-penyakit yang merbahaya ini, misalnya kawasan itu di bawah Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan, tetapi tidak kurang kawasan yang free yang tidak di bawah mana-mana semata-mata di bawah Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan dan tidak pula dilayani oleh Kementerian Kesihatan secara dekat dan secara kasih sayang. Hanya sekali sekala sahaja, kerana Kementerian Kesihatan tidak dapat melaksanakan kehendak rakyat negara ini yang memerlukan, seperti menyediakan hospital daerah. Ada pula suara kedengaran di antara kita, terutama sekali Kementerian Kesihatan hendak menutup hospital daerah yang kurang dikunjungi oleh pesakit-pesakit. Saya rasa ini kurang baik. Kita hidupkan juga hospital-hospital daerah ini kerana rakyat memerlukan rawatan, memerlukan ubat-ubatan, kasih sayang daripada Kerajaan kepada rakyat.

Sehubungan dengan itu Kementerian Kesihatan harus mamikirkan pula menyediakan hospital-hospital daerah ini di kawasan-kawasan yang bilangan penduduknya bertambah cara serta merta. Misalannya, seperti di kawasan FELDA, FELCRA, RISDA dan kawasan-kawasan perumahan. Maksud saya, yang pertama sekali ialah kawasan perumahan rakyat yang harganya murah, tentulah rakyatnya kurang berpendapatan.

Jadi, ini perlu.

Contohnya, oleh kerana saya mewakili negeri Terengganu, saya terpaksa sebut contohnya yang dekat. Kalau contoh yang saya tak tahu, saya tak bolehlah sebut. Misalnya di Kemaman, hospital daerahnya itu sudah lama, agak usang, sedangkan pertambahan penduduk di kawasan Terengganu Tengah berlipatganda. Kalau dicampurkan dengan penduduk asal di Kemaman kira-kira lebih daripada 100,000 orang, maka tentulah tidak bagus ataupun kurang baik. Kalau pesakit agak lebih serius sedikit terpaksa dibawa ke hospital Kuantan, sedangkan hospital Kuantan nasibnya sama juga dengan hospital daerah di Keraaman itu. Kalau hendak dibawa ke Hospital Besar Kuala Terengganu memakan belanja kerana jaraknya jauh kira-kira 98 batu. Dengan sebab itu adalah logik dan munasabah kalau bagi pihak Kementerian Kesihatan ini memikirkan merancang sebuah hospital daerah yang baru bagi kepentingan rakyat di kawasan itu yang merangkumi sebahagian kecilnya penduduk dari daerah Pahang itu di daerah Kemaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini dan berharap akan dilaksanakan dengan baik, teratur dan berkesan. Dan saya juga berharap apabila undang-undang ini hendak dilaksanakan, maka janganlah para pegawai ini akan memilih bulu. Kalau ada orang-orang yang difikirkan segan, maka tindakannya akan dikendurkan. Apabila mereka fikir rasa hangat hati, maka tindakannya akan lebih tegas, ini kita tidak mahu berlaku. Walau bagaimanapun, undang-undang tetap undang-undang, tidak kira siapa tetapi tolak ansur harus ada sebelum undang-undang ini dikenakan kepada seseorang, maka harus budibicara hendaklah dibuat, misalannya dimaklumkan diberi amaran kepada mereka yang akan dikenakan itu

kerana undang-undang ini melibatkan denda dan sebagainya, maka harus bagi pihak pegawai-pegawai yang berkenaan berhati-hati apabila ianya hendak melaksanakan undang-undang. Sebagai sebuah negara yang pemerintahannya daripada parti berpolitik, maka harus diingat juga implikasi daripada tindakan ini akan kembali kepada Kerajaan sedangkan ini tanggungjawab budibicara dan tolak ansur diberi kepada pegawai yang berkenaan, tetapi yang akan kena ialah Kerajaan itu sendiri. Maka akibatnya sangat buruk dan mungkin malapetaka akan ditimpa kepada Kerajaan yang sedang kita aturkan sekarang ini. Sekian, terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Sila Yang Berhormat .

6.14 ptg.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan, saya merasa bangga kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui penyakit berjangkit seperti malaria, taun, denggi, polio dan kini pula AIDS adalah membahayakan dan perlu dikawal dengan rapi. Ingat, cegah sebelum parah. Oleh itu pada pendapat saya di samping undang-undang diperketatkan sepertimana yang dilakukan oleh Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan adalah wajar sekiranya saluran-saluran lain seperti melalui media massa dengan lebih giat lagi untuk menyampaikan penerangan berkenaan bahaya dan cara-cara pencegahan dan perlindungan daripada penyakit-penyakit berjangkit.



Pendidikan serta ajaran keagamaan turut dipergiatkan bagi menyedarkan rakyat jelata tentang bahayanya penyakit-penyakit seumpama ini. Misalnya setakat membekalkan kondom secara percuma bukanlah cara yang wajar mengatasi AIDS, sebaliknya ia mungkin menimbulkan anggapan salah dan seterusnya menambahkan bilangan pesakit penyakit berjangkit akibat peningkatan kegiatan-kegiatan seks yang berleluasa. Setiap individu harus diajar dan diberitahu tentang bahayanya penyakit ini. Jika mereka masih ingin mencub serta mendapatkan kepuasan, maka terpaksa mereka menanggung dengan sendirt risiko tersebut. Immunasi daripada penyakit polio, batuk kering dan rubella diwajibkan untuk semua kanak-kanak kecil. Ibu bapa yang enggan membawa anak-anak mereka untuk mendapat suntikan immunisation yang sepenuhnya mesti dihukum untuk mengelakkan kejadian wabak penyakit diphtheria seperti yang berlaku di Kelang pada awal tahun ini.

Bagi penyakit-penyakit berjangkit yang lain pula seperti taun yang merebak melalui kekotoran makanan, minuman, masyarakat termasuklah ibu bapa kanak-kanak dan penjaga-penjaga dididik pentingnya kebersihan terhadap kesihatan kita. Warung-warung makanan dan minuman terutamanya di tepi-tepi jalan haruslah sentiasa diperiksa oleh pihak-pihak berkuasa demi memastikan kebersihan makanan atau minuman terpelihara.

Mengenai soal Hepatitis B, bayaran suntikan adalah agak yang mahal, tidak ramai orang yang mampu bayaran ini. Kerajaan juga tidak mampu temberi suntikan Hepatitis B percuma, tetapi golongan yang patut diberi suntikan percuma adalah golongan risiko tinggi seperti kakitangan hospital-hospital, bayi-bayi dan lain-lain.

Akhirnya, dalam jangka masa yang panjang saya berpendapat penyakit-penyakit seperti ini akan dapat dibasmikan sama sekali

agar taraf sosio-ekonomi penduduk terutamanya penduduk-penduduk luar bandar dapat dipertingkatkan dan terdapatnya infrastruktur kesihatan yang cekap.

Sekian , terima kasih. Saya menyokong Rang Undang-undang ini .

**Lt . Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Sila Yang Berhormat .  
6.19 ptg.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang baru saya kemukakan tadi. Oleh kerana banyak perkara telah dibangkitkan, maka saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab semua perkara yang dibangkitkan itu.

Yang Berhormat Dr Chong mengemukakan masalah berhubung dengan penyakit malaria dan juga kaitannya dengan pendatang haram atauun pendatang tanpa izin, Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian memang menyedari tentang masalah pendatang haram dan Kementerian telah mengambil tindakan untuk mengesan serta merawat kes-kes malaria di kalangan pendatang-pendatang haram.

Berhubung dengan masalah kekurangan doktor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr Chong serta beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain, saya ingin menyatakan di sini dalam kes kekurangan doktor di Sabah sehingga bulan Mei 1988 sebanyak 106 jawatan daripada 114 jawatan pegawai perubatan di Sabah telahpun diisi. Namun demikian , memandangkan beban kerja yang ada Kementerian telah menambahkan sebanyak 69 jawatan baru di Sabah. Sebanyak 23 daripada jawatan ini akan diisi pada bulan September, 1988 ini, yang bakinya akan diisi pada akhir tahun ini jika ada pegawai perubatan yang melapor diri untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

Mengenai doktor pakar, sehingga Jun 1988, negeri Sabah mempunyai sebanyak 31 jawatan dan daripada jumlah ini seramai 26 orang telah ditempatkan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga sedang dan telah mengambil beberapa langkah untuk menambahkan serta menggalakkan doktor terus berkhidmat dengan Kerajaan baik di Sabah mahupun di seluruh negara Malaysia dan di antara langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan dan pakar di negeri ini ialah menambah jawatan pegawai perubatan dan pakar-pakar.

- (2) menambahkan bilangan doktor mengikuti kursus selepas ijazah.
- (3) mengambil beberapa pakar pecubatan dari luar negeri secara kontrak untuk mengisi jawatan-jawatan pakar yang kosong.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Dr Chong berhubung dengan sijil bebas dari AIDS itu, adalah tidak perlu perkara ini kerana dengan adanya sijil itu tidak akan mencegah penyakit AIDS dari masuk ke negara kita kerana sijil tersebut boleh jadi palsu dan juga tidak akan menjamin bahawa orang tersebut bebas daripada AIDS.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah suntikan bagi Hepatitis B, Kementerian Kesihatan memang ada rancangan untuk memberi auntikan percuma kepada bayi yang baru lahir serta juga pekerja-pekerja yang berrisiko tinggi iaitu pekerja hospital. Jadi cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dr Chong bahawa murid-murid sekolah diberikan suntikan, saya rasa ini satu cadangan yang baik dan Kementerian Kesihatan akan memberikan pertimbangan yang wajar tentang hal ini.

Berhubung dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Azumu Tak iaitu masalah membawa jenazah dari sebuah negeri ke negeri yang lain, ingin saya maklumkan di sini bahawa kelengahan yang berlaku itu sebenarnya tidak disengajakan. Masa pemeriksaan tertakluk kepada adanya pathologist dan kemudahan-kemudahan yang lain. Bagaimanapun Kementerian mengambil berat masalah yang dihadapi dan akan berusaha untuk memastikan tiada kelengahan yang akan berlaku di masa hadapan.

Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr Tan Chong Keng berhubung juga dengan kelengahan membawa mayat masuk dari negeri Thai misalnya. Saya ingin maklumkan bahawa sekiranya mayat yang hendak dibawa masuk itu telahpun disempurnakan mengikut cara yang sepatutnya dan segala perakuan telah diberikan maka tidak akan berlaku apa-apa kelengahan, Masalah yang dibangkitkan oleh Senator Tan juga berhubung dengan kebersihan makanan, minta maaf, tentang masalah berhubung dengan penjagaan kebersihan oleh pihak Majlis Perbandaran. Sebenarnya, perkara ini terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Tempatan dan bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Tidak ada undang-undang yang memperuntukkan penalti bagi Kerajaan Tempatan yang tidak menjalankan tugas, Bagaimanapun, perkara ini akan diambil perhatian dan akan disampaikan untuk perhatian Kementerian yang berkenaan.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat, saya minta maaf, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri mengemukakan usul untuk menangguhkan mesyuarat mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3).

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

#### UCAPAN PENANGGUHAN

### **Kemasukan Pelajar-pelajar ke Tingkatan 6**

#### **6.31 ptg.**

**Tuan Lim Reng Tee:** Tuan Yang di-Pertua, pada 8hb Jun seorang pelajar, Lim Chee Sin, berumur 15 tahun telah menggantung diri di bilik sewanya. Lim Chee Sin yang telah dihuraikan sebagai seorang pelajar yang baik dan aktif ialah bekas pelajar Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad di Teluk Datuk, Banting di mana beliau telah menamatkan Tingkatan Lima pada tahun yang lalu.

Sungguhpun beliau mendapat prestasi yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat 7A daripada 9 matapelajarannya, beliau tidak dapat masuk ke Tingkatan Enam dalam sebuah sekolah Kerajaan oleh kerana dia tidak dapat kredit dalam Bahasa Malaysia seperti yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan mulai tahun 1987.

Menurut bapanya Lim Chee Sin telah menjadi tersangat sedih oleh kerana dia tidak dapat tempat dalam Tingkatan 6 di sebuah sekolah Kerajaan dan pada akhirnya telah menamatkan penderitaanya dengan membunuh diri.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cerita sedih dan tragedi dan dia telah menjadi seorang mangsa sistem pendidikan kita yang terlalu ketat dan tidak realistik dan juga sikap negatif dan tidak keefisienan pentadbiran. Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita menimbangkan keadaan ini. Seorang pelajar telah mendapat 7A daripada 9 subjek. Bukankah ini satu pencapaian yang cemerlang? Berapa orang boleh mendapatkan prestasi yang sedemikian? Sungguhpun demikian pentadbir-pentadbir Kementerian Pendidikan telah mengatakan pelajar itu tidak layak masuk ke Tingkatan 6 kerana dia hanya mendapat kelulusan dalam Bahasa Malaysia .

Kita mesti sedar bahawa adalah sukar mendapatkan prestasi cemerlang pada keseluruhannya, it is difficult to be an all rounder , dengan izin. Biasanya pelajar-pelajar yang kuat dalam subjek sains tidak begitu kuat dalam subjek sastera seperti bahasa-bahasa, sebaliknya pelajar-pelajar yang kuat dalam subjek sastera biasanya lebih lemah dalam subjek sains seperti matematik dan lain-lain. Oleh kerana itu di sekolah-sekolah menengah pelajar-pelajar dibahagikan kepada aliran sastera dan aliran sains supaya memenuhi kehendak-kehendak dan keupayaan-keupayaan pelajar-pelajar yang berbeza-beza itu. Sebenarnya negara kita memerlukan semua jenis rakyat dengan berbagai kemahiran dan kebolehan. Oleh yang demikian sistem pendidikan kita mesti memperuntukkan peluang-peluang kepada pelajar-pelajar dengan berbagai kebolehan dan kemahiran itu. Kita tidak boleh mengharapkan semua ahli sains juga menjadi penulis-penulis yang termasyur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa ini semata-mata satu isu pelajaran dan tidak ada kaitan langsung dengan penghormatan kita kepada Bahasa Kebangsaan kita. Tidak seorang pun harus mengecilkan kepentingan dan nilai Bahasa Malaysia. Kelulusan dalam Bahasa Malaysia amat diwajibkan dan menjadi satu syarat munasabah untuk meluluskan peperiksaan di negara kita, tetapi untuk memerlukan supaya tiap-tiap pelajar mesti mendapatkan sekurang-kurangnya kredit dalam Bahasa Malaysia untuk memasuki Tingkatan 6 itu, tanpa mengambil kira prestasinya dalam subjek-subjek lain, pada pandangan saya adalah tidak realistik dan berkehendakkan terlalu banyak. Sebenarnya pada masa dahulu, iaitu sebelum tahun 1987, keperluan untuk memasuki Tingkatan 6 lebih flexible dan munasabah untuk pelajar-pelajar aliran sains. Sekiranya prestasi keseluruhannya baik, mereka dibenarkan masuk ke Tingkatan 6 sungguhpun mereka tidak mendapat kredit dalam Bahasa Malaysia. Dengan cara ini ramai pelajar yang baik diberi peluang melanjutkan pelajaran mereka dalam Tingkatan 6 dan seterusnya ke universiti-universiti tempatan dan bukan dipaksa keluar dari sekolah atau melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri bagi mereka yang sanggup berbuat demikian. Dengan berbuat demikian banyak pertukaran wang asing dapat dijimatkan dan masalah brain drain, dengan izin, pun dapat dikurangkan. Kes Lim Chee Sin mungkin satu kes terlampau, tetapi di belakang tragedi Lim Chee Sin ini ada juga banyak pelajar lain yang telah menderita sakit hati kerana mengalami keadaan yang sama.

Pada hari kematian Lim Chee Sin itu dilaporkan dalam surat-khabar, Timbalan Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa semua 256 pelajar-pelajar yang mendapat 5A ke atas tetapi gagal mendapat-

kan kredit dalam Bahasa Malaysia akan dihenarkan masuk ke Tingkatan 6.

**Lt . Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh menggulung.

**Tuan Woon See Chio:** Penjelasan. Pengumuman saya ialah 6A bukan 5A.

**Tuan Lim Heng Tee:** Saya terima itu . Yang mendapatkan 6A di atas, tetapi gagal mendapatkan kredit dalam Bahasa Malaysia akan dibenarkan masuk ke Tingkatan 6.

**Lt . Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat boleh menggulung sekarang, masa sudah cukup.

**Tuan Lim Heng Tee:** Boleh beri 2 minit lagi?

**Lt . Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Minta maaf.

**Tuan lim teng Tee:** Satu minit?

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Satu minit.

**Tuan Lim Heng Tee:** Ini sebenarnya khabar baik untuk 256 pelajar berkenaan, tetapi terlalu lewat untuk Lim Chee Sin. Soal yang patut dibangkitkan ialah mengapa Kementerian Pendidikan telah mengambil masa 3 bulan untuk membuat keputusan itu semasa beratus-ratus pelajar sedang menunggu keputusan dalam pertimbangan. Apa yang menyakitkan hati ialah 3 minggu selepas kematian Lim Chee Sin itu Jabatan Pelajaran telah memberitahu keluarganya bahawa selepas mengkaji semula Sindiket Peperiksaan telah memutuskan untuk menaikkan gred Bahasa Malaysia itu daripada P7 kepada C6 dan dengan demikian Lim Chee Sin telah layak masuk ke Tingkatan 6. Mengapa Lembaga Peperiksaan mengambil masa yang begitu panjang untuk menimbang rayuan Lim Chee Sin itu? Bolehkah Pegawai-pegawai Kementerian berkenaan mengatakan dengan jujur bahawa mereka tidak lalai yang



telah mengakibatkan satu tragedi dan penderitaan yang tidak harus berlaku ini. Sungguhpun ini terlalu lewat untuk Lim Chee Sin, kematiannya telah membangkitkan beberapa kelemahan yang serius dalam sistem pendidikan dan pentadbiran kita.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Minta maaf.

**Tuan Lim Heng Tee:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya menyasat dan menimbangkan perkara ini dengan serta merta. Terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Sekarang yang mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**6.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes pelajar Lim Chee Sin dari Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Banting yang membunuh diri adalah menyedihkan, tetapi tidak ada kaitan dengan Kementerian Pendidikan. [Tepuk] Syarat dan peraturan kemasukan ke Tingkatan 6 tidaklah terlalu ketat seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee. Kelulusan kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM tidak menjadi penghalang kemasukan pelajar ke Tingkatan 6. Kejujian Bahasa Malaysia dalam peperiksaan SPM bukanlah syarat utama tetapi cuma merupakan salah satu daripada syarat untuk memasuki ke Tingkatan 6. Sebenarnya pelajar yang berkenaan dibenarkan masuk ke Tingkatan 6 dengan syarat ia mendapat kepujian dalam peperiksaan SPM matapelajaran tunggal Bahasa Malaysia yang diadakan pada bulan Julai 1988.

Tuan Yang di-Pertua, kecemerlangan dalam mata-matapelajaran sastra dan sains tetap menjadi kriteria penentu untuk memasuki ke Tingkatan 6 jurusan sastra atau sains.

Adalah menjadi hakikat bahawa seseorang pelajar tidak semestinya cemerlang dalam semua matapelajaran. Oleh itu Kementerian Pendidikan memberi peluang kepada pelajar-pelajar memilih matapelajaran dan jurusan pengajian berdasarkan kepada keputusan peperiksaan SPM yang diperolehi. Kementerian Pendidikan memang memberi peluang kepada semua pelajar untuk memasuki Tingkatan 6 asalkan syarat-syarat yang ditetapkan dapat dipenuhi.

Mengenai pemergian pelajar-pelajar untuk menuntut di luar negeri di atas kemahuan masing-masing, Kementerian Pendidikan tidak boleh menghalang pemergian mereka. Oleh itu masalah kerugian wang pertukaran serta masalah 'brain-drain' adalah di luar bidangkuasa Kementerian Pendidikan. Sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak menghadapi sebarang masalah mengenai kemasukan pelajar ke Tingkatan 6 kerana masalah ini sentiasa mendapat perhatian dan tindakan sepenuhnya dari Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peperiksaan ataupun membetulkan kesilapan di dalam kertas peperiksaan, saya hendak menjelaskan di sini bahawa kesilapan itu bukan kesilapan kira markah-markah, tetapi selepas kita mendapat rayuan dari calon-calon beramai-ramai, kita akan menyemak isi kandungan kertas itu dan kertas itu diperiksa sekali lagi oleh seorang examiner yang baru dan ini akan membawa masa yang lebih panjang sebab ini bukan satu rayuan tetapi rayuan beramai-ramai. Terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim;** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Lt, Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok. Wabillahi-taufik-walhidayah, Assalamualaikura warahmatullahi-taala-wabarakatuh.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.43 petang.